

KEM PASUKAN POLIS HUTAN SEBAGAI SATU
MASYARAKAT

(SATU KAJIAN KES MENGENAI KEHIDUPAN ISTERI-ISTERI ANGGOTA
PASUKAN POLIS HUTAN, KUANTAN, PAHANG.)

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DALAM
ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

OLEH

NOMBOR MATRIK 23422

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
NOVEMBER, 1976.

PENGHARGAAN

Pengkaji sungguh terhutang budi pada Puan Mazidah Zakaria yang telah menjadi Penyelia pengkaji disepanjang penulisan kajian ini. Diatas segala nasihat, bimbingan pengkaji dan tunjuk ajarnya, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih.

Selain daripada itu, pengkaji juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada individu-individu seperti Tuan Tun Hamzah bin Tun Abdul Raffar, Komander Kem, anggota-anggota Polis dan responden-responden yang telah bekerjasama dan memberikan bahan-bahan yang diperlukan. Tanpa kerjasama daripada mereka, agak mustahil juga bagi pengkaji untuk meneruskan penulisan kajian.

Akhir sekali, pengkaji tidak lupa kepada jasa ahli-ahli famili pengkaji yang telah banyak memberikan kooperasi dan inspirasi pada pengkaji. Dengan dorongan mereka, pengkaji dapat menyelesaikan kajian ini.

23422.

Jabatan Antropologi & Sosiologi,
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

November, 1976.

KANDUNGAN

Tajuk Kajian.	1.
Penghargaan.	2.
Kandungan.	3.
Senarai Jadual.	7.
Senarai Gambar.	8.
Peta Menunjukkan Kedudukan Bandar Kuantan.	10.
Peta Bandar Kuantan dan Bukit Galing.	11.
Rajah Kasar Markas Beriged Tenggara dan Battalion Ke 10, Pasukan Polis Hutan, Kuantan.	12.

PENDAHULUAN. 13.

(A) Tujuan Kajian.	13.
(B) Hipotesis.	14.
(C) Metod Kajian.	15.
(D) Masaalah-masaalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian.	17.

BAB I 19.

<u>LATARBELAKANG KELOMPOK.</u>	
(A) Konsep Kelompok Dan Penjenisannya.	19.
(1) Kategori Perangkaan.	20.
(2) Kategori Sosial.	21.
(3) Persatuan.	21.
(4) Kelompok Sosial.	22.
(a) Kelompok-kelompok Utama (secondary) dan Kedua (primary).	23.

(b) "Dalam-kelompok" (In-group) Dan "Luar-kelompok" (Out-group).	24.
(c) Kelompok-kelompok Melintang Dan Menegak.	25.
(d) Kelompok-kelompok Sukarela Dan Tidak Sukarela.	26.
(e) Kelompok-kelompok Yang Diinstitu- sikan Dan Yang Tidak Diinstitusi- kan.	26.

BAB II

30.

RANGKA KONSEP.

(A) Interaksi Sosial Dengan Penekanan Keatas Konsep Kooperasi Dan Konflik.	30.
(B) Konsep Kooperasi.	32.
(a) Definasi Kooperasi.	32
(b) Jenis-jenis Kooperasi.	34.
(c) Syarat-syarat Kooperasi.	38.
(d) Faktor-faktor Yang Menolong Didalam Menyatupadukan Anggota-anggota Dalam Sesuatu Kelompok Sosial.	38.
(e) Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesan Integrasi Dan Kooperasi.	41.
(C) Konsep Konflik.	42.
(a) Definasi Konflik.	42.
(b) Fungsi Konflik.	44.
(c) Sumber Konflik.	46.
(d) Faktor-faktor Bagi Mengurangkan	47.

Konflik.

<u>BAB III</u>	51.
<u>LATARBELAKANG TEMPAT KAJIAN DAN RESPONDEN-RESPONDEN</u> .	
(A) Latarbelakang Tempat Kajian.	51.
(a) Kawasan.	51.
(b) Corak Pekerjaan Di Pengkalan Ini.	52.
(B) Latarbelakang Responden-responden (Isteri-isteri).	55.
(a) Umur.	55.
(b) Pelajaran.	56.
(c) Pekerjaan.	58.
(d) Tempat Asal.Dan Perkahwinan.	60.
(e) Kekerapan Pulang Ke Kampung.	63.
(f) Anak-anak.	65.
(g) Aktiviti-aktiviti Semasa Lapang.	67.
(h) Fikiran Politik.	68.
<u>BAB IV.</u>	70.
<u>TUMPUAN KOOPERASI YANG TERDAPAT DI KALANGAN PARA ISTERI.</u>	
(A) Kooperasi Secara Am.	70.
(B) Kooperasi Dalam Bidang Sosial.	71.
(a) Kelab Persatuan Kaun Ibu Pasukan Polis Hutan, Kuantan.	71.
(b) Permainan Dan Sukan.	75.
(c) Pelajaran Anak-anak.	76.
(d) Perpindahan.	78.

(e) Hari-hari Perayaan Bercorak Sosial...	79.
(f) Semasa Kecemasan.	80.
(g) Hidup Berjiran #etangga.	80.
(C) Kooperasi Dalam Bidang Ekonomi.	82.
(a) Perniagaan.	82.
(b) Berkutu Wang Dan Barang-barang.	84.
(c) Mengambil Upah Menjahit.	85.
(D) Kooperasi Dalam Bidang Ugama.	86.
(a) Pelajaran Ugama.	86.
(b) Kematiian.	88.
(c) Aktiviti-aktiviti Bercorak Ugama.	88.
(E) Kooperasi Dalam Bidang Politik.	91.
<u>BAB V.</u>	93.
<u>PUSAT KONFLIK DIKALANGAN PARA ISTERI.</u>	
(A) Konflik Secara Am.	93.
(B) Konflik Dalam Bidang Sosial.	94.
(a) Kelab Persatuan Kaum Ibu Pasukan Polis Hutan, Kuantan.	94.
(l) Aktiviti-aktiviti Harian.	96.
(C) Konflik Dalam Bidang Ekonomi.	101.
(a) Berniaga.	101.
(b) Berkutu Wang Dan Barang-barang.	102.
(c) Mengambil Upah Menjahit.	103.
(D) Konflik Dalam Bidang Ugama.	104.
(E) Konflik Dalam Bidang Politik.	104.
<u>BAB VI.</u>	107.
<u>KESIMPULAN DAN PENUTUP.</u>	107.


CONTOH QUESTIONNAIRE...	121.
BIBLIOGRAFI.	126.
SENARAI JADUAL.	
(1) Jadual menunjukkan pangkat, bilangan dan tangga gaji dikalangan anggota-anggota Pasukan Polis Hutan.	54.
(2) Jadual menunjukkan umur responden-respon-	.
den.	55.
(3) Jadual menunjukkan bilangan responden-	.
responden yang berkelulusan sekolah rendah	56.
(4) Jadual menunjukkan tingkat kelulusan 58 orang isteri-isteri yang telah berpeluang melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah.	57.
(5) Jadual menunjukkan jenis-jenis pekerjaan dan bilangan isteri-isteri yang mempunyai pekerjaan.	59.
(6) Jadual pendapatan isteri-isteri yang mem-	.
punyai pekerjaan.	59.
(7) Jadual menunjukkan negeri-negeri asal isteri-isteri.	61.
(8) Jadual menunjukkan negeri-negeri asal suami-suami.	62.
(9) Jadual menunjukkan cara pemilihan pasangan hidup.	62.
(10) Jadual menunjukkan bilangan isteri-isteri yang pulang ke kampung semasa suami-suami	.

- bertugas di hutan. 64.
- (11) Jadual menunjukkan kekerapan pulang ke kampung didalam setahun. 64.
- (12) Jadual menunjukkan bilangan anak-anak dan umur ibu. 65.
- (13) Jadual menunjukkan jenis-jenis aktiviti semasa lapang. 68.


SENARAI GAMBAR.

- (1) Pintu masuk kekem.
- (2) Pejabat.
- (3) Gelanggang-gelanggang bola keranjang dan bulu tangkis.
- (4) Dewan dan kantin anggota-anggota Polis Hutan yang bujang.
- (5) Katin am.
- (6) Keadaan didalam kedai Syarikat Kooperatif Polis yang terletak didalam kem.
- (7) Keadaan bilik menunggu Klinik.
- (8) Kereta Ambulan Polis.
- (9) Surau.
- (10) Kelas TABIKA.
- (11) Kenderaan "Armoured".
- (12) Kawasan kem secara keseluruhannya.
- (13) Jenis-jenis tanam-tanaman yang telah ditanam oleh isteri-isteri yang berminat.
- (14) Jenis-jenis ternakan yang dipelihara oleh sebilangan isteri-isteri.

- (15) Kelas jahit menjahit.
- (16) Isteri-isteri mata-mata sedang berbual di hadapan berek mereka.
- (17) Tempat kediaman anggota-anggota (mata-mata) Polis Bujang.
- (18) Rumah Sarjan Mejar.
- (19) Rumah Inspektor.
- (20) Rumah Komander.



Peta Menunjukkan Kedudukan Bandar Kuantan.



Peta Bandar Kuantan Dan Bukit Galing.

(Tanpa Mengikut Sekil)

PENDAHULUAN.

(A) TUJUAN KAJIAN.

Latihan ilmiah ini adalah kajian yang dibuat terhadap isteri-isteri/^(Melayu) anggota Pasukan Polis Hutan, Kuantan. Kehidupan harian mereka merupakan satu aspek yang menarik kerana mereka selalu ditinggalkan oleh suami-suami mereka yang terdiri daripada pegawai-pegawai dan mata-mata. Suami-suami mereka sentiasa ditugaskan kehutan samada di hutan-hutan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia atau di Malaysia Timur ataupun di sempadan-sempadan antara Malaysia dan Negara Thai atau antara Malaysia dan Indonesia. Disamping itu, suami mereka juga ditugaskan di bandar-bandar seperti semasa ada pergaduhan atau rusuhan. Nyawa mereka sentiasa terancam didalam mencapaikan keamanan negara.

Apahila isteri-isteri ini sentiasa ditinggalkan oleh suami mereka, sudah tentulah akan timbul bermacam-macam masaalah dalam menjalani aktiviti-aktiviti harian. Disini perlu ada sesuatu yang harus dijalankan untuk mengatasi masaalah-masaalah tersebut supaya kelompok (isteri-isteri) ini dapat berjalan sebagai satu kelompok yang berfungsi (a functional group). Jadi, satu kajian terhadap kegiatan kooperasi dan konflik dalam bidang-bidang sosial, ekonomi, ugama dan politik, dikalangan isteri-isteri ini dijalankan.

Dengan cara ini, pengkaji dapat melihat faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya kooperasi dan konflik dikalangan mereka.

(B) HIPOTESIS.

Pengkaji membuat kajian ini berdasarkan pada dua hipotesis:

(a) Dikalangan isteri-isteri ini ujud kooperasi dan konflik didalam kegiatan-kegiatan harian mereka. Kooperasi dan konflik ini timbul didalam semua bidang kehidupan seperti dalam bidang-bidang sosial, ekonomi, ugama dan politik.

(b) Penduduk-penduduk kem ini tidak dapat dianggapkan sebagai satu masyarakat tetap kerana sesuatu kelompok manusia itu boleh dipanggil sebagai masyarakat setelah mereka tinggal bersama-sama dan berinteraksi antara satu sama lain dalam jangka waktu yang lama. Sedangkan penduduk-penduduk di kem ini mempunyai ciri-ciri yang menunjukkan bahawa mereka mirip kepadasatu masyarakat sementara (temporary society). Mereka tidak tinggal tetap disini dan sentiasa berpindah-randah. Mereka tinggal bersama-sama dalam jangka waktu yang singkat. Hubungan mereka adalah didasarkan kepada sifat pekerjaan suami-suami mereka yang selalu dipindahkan dari satu tempat ketempat yang lain. Jadi, perasaan untuk menjalani kehidupan yang tetap (settled life) tidak ada. Isteri-isteri ini tinggal di dalam kem ini adalah dengan cara 'paksaan' kerana mereka

hanya mengikuti suami-suami mereka. Oleh itu tidak dapat dianggap satu jalinan sistem sosial yang kekal akan ujud dikalangan penduduk-penduduk kem ini.

(C) METOD KAJIAN.

Jumlah anggota Pasukan Polis Hutan ini ialah seramai 820 orang dan ini termasuklah pegawai-pegawai dan mata-mata. Dikalangan pegawai-pegawai dan mata-mata ini terdapat juga yang masih bujang. Disamping itu, ada juga terdapat pegawai-pegawai dan mata-mata yang tinggal di kawasan luar kem. Secara keseluruhannya, jumlah penduduk kem iaitu pegawai-pegawai, mata-mata dan keluarga mereka, ialah lebih kurang 2,000 orang.

Pengkaji telah memilih 100 orang responden iaitu 20 orang isteri pegawai-pagawai dan 80 orang isteri mata-mata. Ada tiga cara yang pengkaji ikuti didalam pemilihan responden-responden:

- (i) Mengikut pangkat suami-suami.
- (ii) Mengikut tempat kediaman.
- (iii) Senang untuk ditemui.

Pada mulanya pengkaji ingin memilih responden-responden mengikut pangkat suami masing-masing, tetapi ini sukar dilakukan. Ini disebabkan kerana terdapat isteri-isteri yang pulang kekampung semasa suami-suami mereka bertugas diluar kem. Disamping itu, terdapat juga isteri-isteri yang sentiasa sibuk dengan kegiatan-kegiatan luar kem. Semasa pengkaji berada di kem ini, terdapat sebilangan i-

isteri-isteri yang terlibat didalam persiapan-persiapan untuk acara-acara menyambut perkahwinan **puteri** Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Oleh itu, mereka sentiasa sibuk berulang-alik ke Pekan.

Untuk memudahkan dan melicinkan lagi perjalanan kajian, pengkaji terpaksa juga memilih responden-responden dengan berdasarkan tempat kediaman dan kesenangan bertemu dengan individu-individu. Pengkaji telah pergi keblok-blok tempat kediaman mata-mata dan juga kerumah-rumah pegawai-pegawai untuk menemui mereka.

Oleh kerana terdapat isteri-isteri yang pulang kekampung semasa suami mereka bertugas di luar kem, memang susah untuk bertemu dengan isteri-isteri ini. Jadi, pengkaji terpaksa mendapatkan responden-responden yang berada di kem dan juga yang bekerjasama didalam menjawab soalan-soalan pengkaji.

Ada 3 cara kajian yang pengkaji lakukan:

(a) Pemerhatian keatas geraklaku isteri-isteri ini.

Pengkaji telah tinggal di kem ini selama 1½ bulan iaitu daripada pertengahan bulan Februari sehingga ke akhir bulan Mac. Dalam jangka waktu yang singkat ini, pengkaji tidak dapat memerhati geraklaku mereka dengan mendalam. Pengkaji hanya melihat geraklaku mereka dari jauh dan tidak melibatkan diri didalam aktiviti-aktiviti harian mereka.

(b) Temuramah yang terbuka.

Disini pengkaji tidak mengawal soalan-soalan yang di-

kemukakan. Responden-responden lebih tertarik dengan cara begini kerana mereka bebas untuk menyatakan perasaan mereka. Dengan cara begini juga, pengkaji dengan senang dapat mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan konflik kerana konflik merupakan satu aspek yang sensitif dan tidak ramai orang yang ingin menyatakan sebab-sebab terjadinya konflik dikalangan mereka.

(c) Temuramah resmi yang didasarkan kepada questionnaire.

Dalam temuramah begini, responden tidak bebas untuk memberi jawapan yang panjang lebar kerana mereka telah telah terkawal dengan soalan-soalan yang telah disediakan. Sila lihat contoh questionnaire). Soalan-soalan yang ber-corak peribadi bagi mereka, jarang sekali dijawab.

Questionnaire-questionnaire telah diedarkan dengan 2 cara:

(i) Pengkaji telah pergi ketiap-tiap blok dan rumah untuk menyoal responden-responden. Bila responden menjawab, pengkaji tuliskan jawapannya. Kadang-kadang timbul masaalah kerana soalan-soalan yang pengkaji kemukauan telah dijawab oleh suami-suami responden-responden.

(ii) Questionnaire-questionnaire diedarkan oleh Setiausaha Kelab Persatuan Kaum Ibu. Pengkaji mengambil questionnaire-questionnaire daripadanya pada hari yang telah ditentukan.

(D) MASAALAH-MASAALAH YANG DIHADAPI SEMASA MENJALANKAN

KAJIAN.

Dalam masa $1\frac{1}{2}$ bulan, tidak banyak yang dapat diperhatikan tentang geraklaku isteri-isteri ini. Temuramah telah dilakukan diwaktu petang kerana diwaktu pagi mereka sibuk dengan urusan rumah tangga. Kadang-kadang terdapat juga isteri-isteri yang keluar kebandar bersama-sama dengan suami-suami mereka diwaktu petang.

Semasa kajian ini dijalankan ada 2 masaalah yang terbesar yang terpaksa pengkaji hadapi:

(a) Ada terdapat isteri-isteri yang tidak memberikan kerjasama. Ini adalah disebabkan oleh sikap mereka. Mereka tidak memberatkan sangat tentang kajian yang ingin pengkaji lakukan. Disamping itu pula, ada sebilangan isteri-isteri yang menjadi 'batu api' dan mempengaruhi rakan-rakannya supaya jangan menjawab soalan-soalan yang pengkaji kemukakan.

(b) Kesukaran untuk menemui isteri-isteri ini disebabkan oleh:

(i) Kebanyakannya daripada mereka pulang kekampung semasa suami-suami mereka bertugas di luar kem.

(ii) Masa pengkaji sungguh terhad untuk berkesempatan untuk menemui dan mengenali mereka, dengan lebih mesra.

(iii) Oleh kerana suami mereka selalu berpindah, pengkaji tidak dapat menemui isteri-isteri yang telah berpindah ketempat lain atau baharu berpindah ke kem ini.

Daripada masaalah-masaalah yang timbul ini, dapat dilihat ciri-ciri yang menunjukkan bahawa mereka adalah merupakan satu masyarakat sementara yang tinggal bersama-sama dan berinteraksi antara satu sama lain dalam jangka waktu yang singkat.



(1) Pintu Masuk Ke Kem



(2) Pejabat

BAB ILATARBELAKANG KELompOK(A) KONSEP KELompOK DAN PENJENISANNYA

Didalam kajian-kajian Antropologi dan Sosiologi, konsep kelompok merupakan asas yang dianggap penting. Di sini, perkara-perkara yang dipentingkan ialah hubungan dan interaksi antara individu dengan individu, individu dengan kelompok, dan kelompok dengan kelompok, serta sistem-sistem sosial yang wujud didalam lembaga-lembaga sesuatu masvarakat itu.

Ada beberapa definisi yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli sosiologi didalam memberikan penakrifian terhadap kelompok. T.B.Potomore telah mendefinisikan kelompok sebagai:

".....an aggregate of individuals in which:-
 (a) definite relation exist between individuals comprising it, and
 (b) each individual is conscious of the group itself and its symbols."¹

MacIver dan Page telah menakrifkan kelompok sebagai sebarang kumpulan manusia yang dikumpulkan kedalam perhubungan sosial antara satu sama lain.²

Angell pula telah menyatakan bahawa sesuatu kelompok itu:-

"..... is constituted of a number of a number of persons whose joint action express the policies of a directing will."³

Selain daripada itu, A.W.Small pula berpendapat bahawa sesuatu kelompok itu adalah:-

"any number of people, larger or smaller, between whom such relations are discovered that they must be thought of together that those relations are sufficiently impressive to demand attention."⁴

Edward Sapir, didalam artikelnya yang terdapat dalam "Encyclopaedia of The Social Sciences" (1932) menyatakan bahawa sesuatu kelompok itu ditubuhkan.

".....by the fact that there is some interest which holds its members. The community of interest may range from a passing event which assembles people into a momentary aggregate to a relatively permanent functional interest which creates and maintains a cohesive unit."⁵

Bagi memudahkan lagi pemahaman terhadap kelompok, J.
6

Zanden telah membahagikan kelompok itu kepada 4 jenis:-

- (1) Kategori Perangkaan
- (2) Kategori Sosial.
- (3) Persatuan.
- (4) Kelompok Sosial

(1) Kategori Perangkaan

Kategori perangkaan adalah ditubuhkan bukan oleh anggota-anggotanya sendiri, tetapi oleh ahli-ahli sosiologi, perangkaan, demografi dan sebagainya. Individu-individu yang terdapat didalam kategori ini adalah dicirikan sebagai tiada mempunyai perasaan kekitaan, interaksi sosial atau organisasi yang resmi. Mereka adalah satu kumpulan yang mewakili golongan orang-orang lain yang mempunyai sifat bersama yang tertentu (certain common attributes).

Misalnya, tenaga pekerja, kanak-kanak yang belum bersekolah dan orang-orang yang kurang siuan adalah merupakan kelompok-kelompok yang dipilih secara perangkaan.

(2) Kategori Sosial

Didalam kategori sosial terdapat sifat kesedaran bersama (*consciousness of kind*). Individu-individu yang menganggotai kategori sosial ini mengiktirafkan keahlian mereka dan mengiktirafkan ini memberi kesan terhadap perlakuan mereka. Daripada kesedaran bersama, mereka dapat membedakan antara ahli dan bukan ahli. Contohnya, daripada tanda-tanda seperti warna kulit, jantina dan pakaian dapat menentukan samada seseorang itu menjadi ahli atau tidak didalam sesuatu kategori sosial. Perkara yang dipentingkan disini ialah bahawa sesuatu kategori sosial itu hanya melibatkan kesedaran bersama dan tidak seharusnya menuju kepada interaksi sosial atau organisasi resmi dikalangan orang-orang yang berkenaan.

(3) Persatuan

MacIver dan Page telah mendefinisikan persatuan sebagai:-

".....satu kelompok yang diatur untuk menyalurkan satu kepentingan atau kumpulan-kumpulan kepentingan bersama."⁷

Didalam persatuan terdapat kesedaran bersama dan organisasi yang resmi. Organisasi resmi timbul bila individu-individu dengan sengaja membentuk satu unit sosial untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu. Contoh persatuan adalah seperti Persatuan Bulan Sabit dan Persatuan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.

(4) Kelompok Sosial

Chinoy telah mendefinisikan kelompok sosial sebagai:-

"..... consists of a number of persons whose relationships are based upon a set of interrelated roles and statuses. They interact with one another in a more or less standardized fashion determined largely by the norms and values they accept. They are united or held together by a sense of common identity or a similarity of interests which enables them to differentiate members from nonmembers."⁸

Terdapat 4 ciri penting didalam kelompok sosial:-

- (i) Individu-individu yang menganggotai sesuatu kelompok sosial seharusnya mempunyai hubungan sosial diantara satu sama lain dan ujud dalam jangka waktu yang sama.
- (ii) Anggota-anggota kelompok ini hendaklah sedar akan kesatuan dan perpaduan. Mereka dapat menyatakan kesedaran ini bila hendak membuat perbedaan dengan kelompok yang lain. Dengan ini, akan ujud perasaan kekitaan dikalangan mereka.
- (iii) Didalam sesuatu kelompok sosial, ujud nilai-nilai dan kepercayaan yang dikongsi bersama. Disinilah ujudnya institusi-institusi tertentu seperti institusi perkahwinan dan institusi tolong-menolong.
- (iv) Anggota-anggota sesuatu kelompok sosial yang saling berinteraksi itu hendaklah menjalankan tugas berdasarkan pada peranan dan taraf. Jadi, didalam kelompok sosial itu ujud satu sistem pembahagian peranan, tugas dan taraf yang membolehkan sesuatu institusi itu diperlanjutkan.

Ahli-ahli sosiologi telah membahagi kelompok sosial kepada beberapa jenis dan diantara-nya ialah:

- (a) Kelompok-kelompok utama (primary) dan kedua (secondary)
- (b) "Dalam-kelompok" (in group) dan "luar-kelompok" (out-group).
- (c) Kelompok-kelompok melintang dan menegak.
- (d) Kelompok-kelompok sukarela dan tidak sukarela.
- (e) Kelompok-kelompok yang diinstitusikan dan yang tidak diinstitusikan.

(a) Kelompok-kelompok utama dan kedua

Cooley telah menyatakan bahawa sesuatu kelompok utama melibatkan simpati dan identifikasi antara satu sama lain dimana penggunaan perkataan "kita" selalu digunakan.⁹

Anggota-anggota dalam kelompok utama ini tidaklah ramai bilangannya. Disini terdapat hubungan-hubungan yang rapat dan secara langsung.

Disamping itu, E.Faris berpendapat bahawa sesuatu ke kelompok utama adalah:-

".....characterized by intimate relationship among its members, manifested by group consciousness, esprit de corps, and a feeling of 'we'".¹⁰

Ciri-ciri kelompok utama dapat dirumuskan seperti berikut:-

- (i) Perhubungan diantara anggota-anggotanya adalah secara persamaan dan personal.

(ii) Perhubungan ini adalah selalu berlaku, tidak bersifat penghukusan dan tidak resmi.

(iii) Bilangan anggota-anggotanya adalah kecil seperti didalam masyarakat primitif.

(iv) Terdapat kemesraan dikalangan anggota-anggotanya.

(v) Kooperasi adalah secara langsung dan timbul dengan sendirinya.

(vi) Dikalangan anggota-anggotanya, timbul perasaan kekitaan dan kesedaran bersama.

(vii) Kelompok ini adalah kekal dan tetap.

Kelompok kedua pula mempunyai ciri-ciri yang berlawanan dengan ciri-ciri kelompok utama. Cooley berpendapat bahawa didalam kelompok kedua, hubungan-hubungan adalah kurang mesra dan mungkin terbatas pada kontek-kontek yang tidak langsung yang didasarkan kepada kepentingan-kepentingan bersama yang tertentu saja.¹¹ Bilangan anggota-anggotanya adalah besar. Kelompok kedua terjadi akibat daripada perkembangan dan sifat kompleks (**complexity**) bagi kebudayaan. Perhubungan-perhubungan adalah secara resmi dan penghukusan timbul dalam kesemua bidang.

(b) "Dalam-kelompok" dan "luar-kelompok".

J.Zander telah mendefinasikan "dalam-kelompok" dan "luar-kelompok" seperti berikut:-

"An in-group is a social unit of which an individual is a part or with which he identifies.

An out-group is a social unit of which an individual is not a part or with which he does not identify."¹²

Sumner pula berpendapat bahawa:-

"The in-group is the group to which one belongs, whereas that of which one is not a member is an out-group."¹³

Kelihatan disini bahawa "dalam-kelompok" itu mengandungi diri kita sendiri dan sesiapa yang termasuk dalam golongan "kita" seperti keluarga sendiri dan saudara-mara. Dikalangan anggota-anggota "dalam-kelompok" terdapat perasaan kesedaran bersama. Sikap "dalam-kelompok" ini mengandungi unsur-unsur simpati, taat setia, berkooperasi, menghormati hak-hak orang lain dan sanggup berkorban untuk anggota-anggota yang didalam keserasian.

Sikap anggota-anggota "dalam-kelompok" terhadap anggota-anggota "luar kelompok" adalah berbeda sekali. Anggota-anggota "dalam kelompok" mempunyai perasaan benci, tidak mesra dan bermusuhan dengan anggota-anggota "luar-kelompok" juga "indifference" dan tidak ambil peduli.

(c) Kelompok-kelompok melintang dan menegak

¹⁴ Sorokin menyatakan bahawa kelompok melintang adalah mempunyai anggota -anggota yang ramai termasuklah kelompok-kelompok seperti organisasi ugama dan parti-parti politik. Sebaliknya pula, kelompok menegak mengandungi bilangan anggota yang kecil seperti kelas-kelas ekonomik yang memberikan seseorang individu kedudukan dan pangkat didalam masarakat.

Oleh kerana kelompok menegak adalah sebahagian dari pada kelompok melintang, seseorang individu boleh menjadi

anggota didalam kedua-dua kelompok ini. Contohnya, seorang Melayu mungkin berketurunan Jawa (melintang), berugama Islam (melintang) dan menyokong Parti Perikeman Nasional (melintang). Ia juga mungkin menjadi seorang Menteri (menegak) dan juga seorang rakyat biasa (melintang).

(d) Kelompok-kelompok sukarela dan tidak sukarela

¹⁵

Charles A Ellwood telah menyatakan bahawa kelompok sukarela merupakan kelompok yang terjadi secara semula jadi (natural) sebuah famili, pekan dan negara. Sebaliknya, kelompok tidak sukarela, seperti parti-parti politik dan persatuan kebudayaan, adalah ditubuhkan dengan cara disengajakan (purposive), di-khususkan (specialized) dan adalah merupakan hasil daripada buatan manusia.

(e) Kelompok-kelompok yang diinstitusikan dan yang tidak diinstitusikan.

Ellwood pula selanjutnya menyatakan bahawa kelompok-kelompok yang diinstitusikan adalah kelompok-kelompok seperti sekolah dan gereja dimana terdapat sanction, penetapan dan diinstitusikan oleh pihak yang berkuasa didalam komuniti itu. Kelompok ini adalah bercorak tetap kerana ia adalah diperlukan untuk menjalani aktiviti-aktiviti yang penting.

Sementara itu, kelompok yang tidak diinstitusikan adalah kelompok yang selalu ditubuhkan dan dibubar kan seperti kelompok-kelompok permainan dan ke-

lompok-kelompok orang ramai yang menaksikan satu perkelahian, atau perlenggaran.

Ada beberapa lagi penjenisan kelompok sosial yang telah dikemukakan oleh lain-lain ahli sosiologi. Mereka telah menggunakan berbagai-bagai kriteria untuk memberikan penjenisan ini. Diantara kriteria-kriteria ini adalah penjenisan kelompok sosial ini dibuat dengan berdasarkan kepada persamaan fizikal, tujuan bersama, fungsi-fungsi simbol, perhubungan darah dan kepentingan kebudayaan.

Pengkaji dapat bahawa kelompok manusia yang terdapat di Kem Pasukan Polis Tuton, Muantang, merupakan satu kelompok sosial. Ciri-ciri yang terdapat dikalangan mereka dapat disolongkan sebagai kelompok sosial mengikut definisi yang diberikan oleh Chinoy bahawa **kelompok sosial itu seharusnya**:

".... .consists of a number of persons whose relationships are based upon a set of interrelated roles and statuses. They interact less standardized fashion determined largely by the norms and values they accept. They are united or held together by a sense of common identity or a similarity of interest which enables them to differentiate members from non members."

NOTA KAKI

1. Bottomore; T.B.,(1962): Sociology, A Guide To Problems And Literature, Urvin University Books, London, M.S.92.
2. MacIver; R.M.,& Page; C.H.(1972): Masyarakat, Satu Analisa Permulaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, M.S.361
3. Koenig; S.,(1957): Sociology, An Introduction To The Science of Society, Barnes & Noble, Inc., New York, M.S. 204.
4. Koenig; S.,(1957): M.S. 204
5. Seligman; E.,& Johnson; A.(ed.)(1932): Encyclopaedia of The Sosial Sciences, The MacMillan Company, New York, Voleme 7, M.S. 179.
6. Zanden; J.,(1970): Sociology, A Systematic Approach, The Ronald Press Company, New York, Edisi Ke 2, M.S. 176.
7. MacIver; R.M. & Page; C.H.(1972): Op cit., M.S. 209.
8. Chinoy; E.,(1968): Sociological Perspective, Random House, Inc., New York, Edisi Ke 2, M.S.70.
9. Koenig; S.,(1957): Op cit., M.S. 209
10. Gould; J.& Kolb; W.L.(ed.)(1964): A Dictionary of The Social Sciences, Tavistock Publications, London, M.S. 296



(3) Gelanggang-Gelanggang Bola Keranjang

Dan Pulu Tangkis



(4) Dewan Dan Kantin Anggota-Anggota Polis

Yang Rujang

11. Koenig; S., (1957): Op cit., M.S. 205
12. Zanden; J.,(1970): Op cit., M.S. 183
13. Koenig; S.,(1957): Op cit., M.S. 205
14. Koenig; S.,(1957): Ibid., M.S. 205
15. Koenig; S.,(1957): Ibid., M.S. 206.

masalah konsep kognitif dan konflik.

Didalam menjalani kehidupan harian, individu-individu atau kelompok-kelompok akan bersatu. Meski individu-individu atau kelompok-kelompok akan berkooperasi dengan mereka, namun bukan atas wajahnya kehendak-kelendak mereka dan kadangkala tidak membedakan mereka. Dengan cara ini, mereka mengadakan hubungan antara satu sama lain. Proses perilaku ini dikenali sebagai interaksi sosial. Unit-unit utama mendekatkan dalam interaksi ini ialah kelompok-kelompok serta lapisan-lapisan sosial sebagai unsur pokok di struktur sosial.

Interaksi adalah konsep yang didasarkan pada relasi-hubungan sosial individu-individu atau kelompok-kelompok. Interaksi melibatkan kontekstualitas tafsirbalik. Contohnya, bila (A) mengartiklasi (B), (A) akan mengubah dan mempengaruhi fikiran, emosi dan sikai (B). Demision juga (B) akan mempengaruhi fikiran, emosi dan sikai (A). Bila individu-individu bersatu dalam suatu relasi sikai dan tujuan, mereka dianggap berinteraksi sebagai satu badan atau kelompok.

BAB IIRANGKA KONSEP.(A) Interaksi sosial dengan penekanan keatas konsep kooperasi dan konflik.

Didalam menjalani kehidupan harian, individu-individu atau kelompok-kelompok akan berterusan menemui individu-individu atau kelompok-kelompok lain, berkooperasi dengan mereka, mematuhi atau membantah kehendak-kehendak mereka dan kadangkala tidak mempedulikan mereka. Dengan cara ini, mereka mengadakan hubungan antara satu sama lain. Proses perlakuan ini dikenali sebagai interaksi sosial. Yunit-yunit utama yang diketengahkan dalam interaksi ini ialah kelompok-kelompok serta lapisan-lapisan sosial sebagai unsur pokok dari struktur sosial.

Interaksi adalah konsep asas didalam mengendalikan hubungan-hubungan sosial individu-individu atau kelompok-kelompok. Interaksi melibatkan kontek timbalbalik. Contohnya, bila (A) mengstimulate (B), (A) akan mengubah dan mempengaruhi fikiran, emosi dan aksi (B). Demikian juga (B) akan mempengaruhi fikiran, emosi dan aksi (A). Bila individu-individu bersatu didalam melakukan aksi dan tujuan, mereka dianggap berinteraksi sebagai satu badan atau kelompok.

Kalau interaksi tidak berlaku, sudah tentu tidak ada kehidupan atau kelompok sosial. Bila orang-orang atau kelompok-kelompok manusia bekerja bersama-sama untuk mencapai satu matlamat atau bila mereka bertanding atau berkelelahi, timbulah interaksi.

Ada 2 jenis interaksi:

- (i) Interaksi secara langsung.
- (ii) Interaksi simbolik.
- (i) Interaksi secara langsung.

Interaksi secara langsung melibatkan aktiviti-aktiviti-aktiviti pergerakan dalam ruang individu itu sendiri dan dapat dilihat didalam perlakuan-perlakuan seperti bertumbuk, bercakar-cakar atau didalam penyatuan tenaga untuk menyudahkan pekerjaan atau lain-lain bentuk kontak badan yang mesra.

- (ii) Interaksi simbolik.

Interaksi simbolik mengandungi simbol vokal atau lain isyarat dan bahasa asli yang dituliskan atau dituturkan. Simbol ini adalah satu perhubungan.

Pola-pola asas interaksi terdapat atau terletak di-dalam kelompok-kelompok utama (primary) dan kemedian di-teruskan kepada kelompok-kelompok kedua (secondary). Contohnya, reaksi-reaksi seorang anak terhadap pengasuhan ibubapa akan membuat anak itu bersikap taat dan setia terhadap undang-undang dan pemimpin didalam kehidupan masa depannya.

Kooperasi, konflik dan pertandingan adalah merupakan

tiga bentuk pokok dalam interaksi sosial. Sesuatu konflik tidak mungkin berlangsung selama-lamanya. Pada satu detik, pertikaian itu dapat diselesaikan. Mungkin penyelesaian itu dapat diterima untuk sementara waktu iaitu kedua-dua pihak tidak berpuas hati sepenuhnya tentang sesuatu keputusan. Satu keadaan untuk penyelesaian ini yang berupa 'working-relationship' yang disebut sebagai akomodasi diadakan. Akomodasi boleh dianggap sebagai bentuk keempat dari interaksi sosial.

(B) Konsep Kooperasi.

(a) Definasi Koopersi.

Kooperasi adalah berasal daripada dua perkataan Latin: Co bermakna bersama dan operari bermakna kerja.² Jadi, kooperasi bermakna kerjasama. Peter Kropotkin dan lain-lain ahli fikir sosial telah berpendapat bahawa bentuk interaksi yang asas sekali adalah kooperasi.³ Mereka menyatakan bahawa kesemua proses evolusi timbul daripada keupayaan organisma-organisma sebahagian daripada species untuk mengintegrasikan aktiviti-aktiviti mereka melalui mutual-aid. Bagi mereka:

"Survival of the fittest, is actually survival of the most cooperative types of organisms."⁴

J. Vandiver telah mengemukakan satu definisi kooperasi dan telah digunakan oleh kebanyakan daripada penulis-penulis. Ia menakrifkan kooperasi sebagai:

".....any form of social interaction involving two or more persons or groups working⁵ together to accomplish a common end or ends."

Didalam sesuatu kelompok, kooperasi adalah faktor menyatukan sedangkan konflik adalah mengdisorganisasikan. Misalnya, didalam sebuah kelas, murid-murid dibahagikan kepada dua kelompok, (A) dan (B). Arahan untuk kelompok (A) adalah semua ahli-ahli kelompok itu akan mendapat markah yang sama dan ini bergantung keatas kualiti hasil kerjasama mereka. Kepada kelompok (B) pula dinyatakan bahawa mereka akan diberikan hadiah secara berlainan (differential) bergantung kepada pencapaian tiap-tiap orang. Hasil-hasil ujian itu menunjukkan bahawa kelompok yang bekerjasama adalah tinggi darjah integrasinya, lebeh mesra dan meyukai antara satu sama lain.
6

Kooperasi boleh dijalankan secara sukarela atau tidak secara langsung atau tidak, tetapi selalunya pelaku-pelakuanya (participants) akan menyatukan tenaga untuk mencapaikan satu matlamat tertentu. Kooperasi terdapat disemua Peringkat kelompok samada besar atau kecil.

Kooperasi boleh dianggap sebagai satu etika norma (ethical norm), sebagai satu proses sosial atau sebagai satu struktur institusi. Didalam etika-etika dan ugama, kooperasi menjadi sanjungan tinggi didalam persejarahan manusia. Kooperasi juga telah ditegaskan didalam ugama-ugama besar dan sistem-sistem moral sedunia. Contohnya, Islam melarang umat-umatnya berkelahi dan menyuruh mereka membantu yang miskin dan cacat.

Bila dianggap sebagai satu proses, kooperasi adalah menjadi pusat kepada pembentukan taip-taip (types) dan

kepada perubahan-perubahan taip-taip. Kajian-kajian yang telah dibuat oleh ahli-ahli naturalis moden telah menunjukkan ini sebagai benar didalam alam tumbuh-tumbuhan dan haiwan dan juga didalam kebudayaan manusia.

Kooperasi ada berhubungan rapat dengan pertandingan. Perlakuan kooperatif adalah menjadi salah satu daripada pusat mekanisma-mekanisma proses evolusi; patut diberi perhatian didalam keadaan yang menuju kepada perubahan dan kestabilan.

Sebagai struktur sosial, kooperasi terdapat didalam berbagai-bagai organisasi manusia yang bertujuan untuk mencapai satu matlamat tertentu. Struktur-struktur begini didapati daripada kumpulan-kumpulan pemburu primitif hingga kepada kompeni-kompeni insuran moden, dan juga dari pada pakatan-pakatan penjenayah, disatu pihak hinggalah kepada Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO), dipihak yang lain.⁷ Ciri-ciri (character) mereka biasanya adalah keugamaan, politik, kebudayaan dan juga ekonomi.

(b) Jenis-jenis Kooperasi.

3 jenis terbesar perlakuan kooperatif adalah:

- (i) Kooperasi resmi.
- (ii) Kooperasi tidak resmi.
- 8
(iii) Kooperasi simbiotik.

Didalam hal ini, patut diingati bahawa kooperasi selalunya mengenakan berbagai-bagai bentuk penahaman (restraint) keatas individu.

(i) Kooperasi Resmi.

Bila kooperasi itu adalah sengaja (deliberate) dan contractual nature, ia diistillahkan sebagai kooperasi resmi. Berbeda dengan jenis-jenis yang lain, kooperasi resmi melibatkan pernyataan hak-hak dan obligasi-obligasi yang timbalbalik dikalangan ahli-ahli yang berkooperasi itu. Biasanya, perlakuan begini berlaku didalam satu organisasi yang resmi, iaitu satu kelompok kedua atau Gesellschaft.

Aktiviti-aktiviti kooperatif yang dijalani melalui badan-badan resmi, seperti ajensi-ajensi kerajaan, organisasi ugama atau enterprise ekonomi adalah kooperasi resmi.

Contoh yang jelas mengenai kooperasi resmi adalah pergerakan kooperatif yang dibawah pentadbiran kerajaan. Biasanya, melalui pegawai-pegawai tertentu, ditiap-tiap kampung diadakan kedai syarikat kooperatif dan modalnya adalah daripada yuran ahli-ahlinya. Selain daripada itu, ada juga dijalani aktiviti-aktiviti lain seperti membeli kereta sewa.

Dengan adanya kedai-kedai syarikat, ahli-ahli dan juga bukan ahli boleh membeli barang-barang keperluan harian. Mereka dikenakan syarat-syarat tertentu untuk ber hutang barang atau wang. Pada tiap-tiap tahun pula, ahli-ahlinya akan mendapat faidah daripada keuntungan. Biasiswa untuk persekolahan anak-anak ahli-ahli juga diadakan.

(ii) Kooperasi Tidak Resmi.

Jenis kooperasi ini biasanya didapati dalam kelompok

kelompok utama atau Gemeinsschaft, dimana aktiviti-aktiviti harian melibatkan mutual-aid. Kooperasi ini adalah spontan dan tidak ada obligasi-obligasi perjanjian. Kita menolong dan ditolong.

Kooperasi tidak resmi ada hubungan dengan kooperasi resmi. Dalam struktur-struktur kelompok resmi, biasanya terdapat jalinan-jalinan kecil, kelompok-kelompok yang lebih mesra dimana kooperasi tidak resmi menjadi norma. Kooperasi tidak resmi ini biasanya banyak terdapat dalam masyarakat-masyarakat tradisi dan menyerap kearah organisasi-organisasi resmi yang moden dan large-scale dengan cara menambahkan lagi perasmian didalam tujuan kooperatif

Dalam masyarakat Melayu, jenis kooperasi ini jelas dilihat dalam masyarakat Tani. Segala pekerjaan, daripada menanam hingga menuai dilakukan bersama-sama oleh jiran tetangga. Di kampung-kampung, darjah kooperasi boleh dianggap tinggi juga kerana mereka suka membuat kerja-kerja secara bergotong-royong, berseraya dan berderau.

(iii) Kooperasi Simbiotik.

Simbiosis adalah satu keadaan dimana dua atau lebih organisma-organisma hidup bersama-sama secara aman dan mendapat faidah daripada satu sama lain. Perhubungan-perhubungan simbiotik tidak dirancang dan ia berkembang secara accident, daripada usaha-usaha tenaga organisma-organisma untuk hidup. Kebanyakan daripada kooperasi manusia boleh dikatakan terletak diperingkat simbiotik

kerana ia menyatukan orang-orang dalam mutual interdependence walaupun mereka tidak membuat keputusan yang sengaja untuk berkooperasi.

Contoh yang baik mengenai kooperasi simbiotik ini adalah didapatidalam pembahagian tenaga dan di pasar-pasar Pengeluar-pengeluar barangan seperti petani-petani dan pembuat-pembuat, membawa hasil-hasil mereka kepasar untuk dijual. Didalam proses pengangkutan dan penjualan hasil-hasil, kelompok-kelompok manusia akan terlibat didalam hubungan-hubungan yang interdependent. Walaupun pada fikiran mereka ini bukan merupakan satu kerjasama tetapi jika dikaji dengan teliti, memang ada kooperasi. Tidak ada individu yang tercapai objektifnya tanpa kerjasama daripada orang lain lebeh-lebeh lagi didalam aktiviti jual-beli.

Begitu juga pergantungan kita kepada kakitangan-kakitangan J.K.R. dan L.L.N. untuk bekalan air dan letrik. Kita tidak mengenali mereka secara personal, walaupun kita terlibat didalam pembayaran perkhidmatan mereka apabila kita membayar bil-bil tersebut.

Disini terletaknya perbedaan antara kooperasi simbiotik dan kooperasi resmi. Kooperasi resmi melibatkan satu matlamat yang mutual sedangkan didalam kooperasi simbiotik, kepentingan-kepentingan sendiri yang mutual telah diberi, tetapi satu matlamat atau objektif tertentu adalah berkurangan.

Didalam kooperasi resmi, pelaku-pelakunya adalah daripada sistem sosial yang sama, sebaliknya pula, didalam kooperasi simbiotik pelaku-pelakunya adalah daripada kelompok-kelompok atau organisasi-organisasi yang berlainan

(c) Syarat-syarat Kooperasi.

Secara am, manusia dikatakan akan berkooperasi secara sukarela dibawah 3 syarat:

- (i) Jika ada satu aksi yang konkret akan dibuat.
- (ii) Jika tanggungjawab untuk melakukan aksi itu ditentukan.
- (iii) Jika orang-orang bersetuju bahawa aksi itu ⁹ berharga jika dilakukan.

Bila ada persamaan nilai (consensus) keatas ketigatiga perkara diatas, orang-orang cenderung untuk berkooperasi secara sukarela dan berjaya.

Biasanya mereka akan bekerjasama secara ikhlas jika berhadapan dengan bencana. Bantuan-bantuan akan diberikan kepada mangsa-mangsa kebakaran, banjir dan sebagainya. Mereka akan bekerjasama didalam menjalani yunit-yunit pemulihan. Bantuan-bantuan adalah berupa wang, pakaian, makanan dan pertolongan cemas. Biasanya, Persatuan Bulan Sabit merupakan persatuan sukarela yang banyak memberikan perkhidmatan begini.

(d) Faktor-faktor yang menolong didalam menyatupadukan anggota-anggota dalam sesuatu kelompok sosial.

Didalam masyarakat terdapat beberapa faktor yang bo+



(5) Kantin Am



(6) Keadaan Didalam Kedai Syarikat Kooperatif
Polis Yang Terletak DiDalam Kem

leh mengujudkan perpaduan dikalangan anggota-anggotanya. Dengan ini, mereka mempunyai perasaan untuk berkooperasi dan berinteraksi.

(1) Persamaan Nilai.

Dalam tiap-tiap masyarakat samada kecil atau besar, terdapat norma-norma yang mengikat dan mengatur kehidupan anggotanya. Norma-norma ini merangkumi segala aspek masyarakat termasuklah peraturan tentang pembahagian kerja dan peranan, perhubungan sosial dan sebagainya. Jika terdapat persamaan didalam pandangan hidup, maka ujudlah persamaan nilai dalam masyarakat itu. Persamaan nilai penting untuk keharmonian dalam kesemua bidang kehidupan.

(2) Disiplin Dalam Masyarakat.

Disiplin adalah mustahak didalam mencapaikan perpaduan dan kooperasi kerana dengan timbulnya disiplin, anggota-anggota sesuatu masyarakat.

(3) Pengekalan norma-norma.

Pengekalan norma-norma adalah pengekalan dan pengetahuan tentang norma-norma atau kekuatan norma-norma dan ia menjadi faktor penting untuk integrasi. Satu-satu kelompok sosial atau masyarakat itu akan lebih berpadu jika norma-norma dalam masyarakat itu mempunyai dasar-dasar yang tetap. Sekiranya norma-norma itu sentiasa berubah, anggota-anggotanya akan berkonflik.

(4) Ethnosentrism.

Sumner telah mendefinisikan ethnosentrism sebagai:

"....view of things in which one's own group is the center of everything, and all others are scaled and rated with reference to it." 10

Jadi, ethnosentrism adalah merupakan kecenderungan seseorang atau sesuatu kelompok untuk menganggapkan bahawa budaya dan cara kehidupan mereka adalah lebih baik dan ber nilai tinggi bila dibandingkan dengan budaya dan cara kehidupan orang atau kelompok lain. Perbandingan ini dibuat dengan berdasarkan kepada pembakuan-pembakuan (standards) dan nilai-nilai yang ada pada kelompok yang pertama itu.

Perasaan yang meninggi-ninggikan dan bermegah-megah dengan cara hidup yang dipunyai oleh anggota-anggota sesuatu kelompok itu merupakan salah satu faktor yang menyatakan dan perasaan kekitaan akan timbul didalam kehidupan harian mereka. Didalam sesuatu kelompok, ethnosentrism adalah berfungsi bagi meninggikan pengawalan sosial dalam kelompok itu. Diperangkat hubungan antara kelompok-kelompok atau masyarakat-masyarakat, ethnosentrism akan tidak berfungsi.

(5) Akomodasi.

11

Disini, akomodasi dimaksudkan seba gai penyesuaian, iaitu penyesuaian kepada environment yang baru dan fenomena sosial. Dari segi sosial, seseorang individu mestilah dapat menyesuaikan diri dengan norma-norma dalam masyarakat.

12

Gillin dan Gillin. menyatakan bahawa ada berbagai-bagai jalan bagi sesuatu kelompok itu dapat mempertahankan penyesuaian.

(i) Melalui konversi.

Disini melibatkan perubahan kepada nilai dan kepercayaan yang diterima secara spontan.

(ii) Penyerahan kepada yang kuat.

Disini memerlukan kekerasan kerana apabila terdapat dua kelompok yang berbeda kekuatan, kelompok yang lemah menyerah kepada yang kuat.

(iii) Dengan cara berkompromi.

Disini, kelompok-kelompok yang terlibat selalunya ada kekuasaan yang sama. Mereka berkompromi bagi mendapatkan keamanan keatas persetujuan yang dicapai oleh kedua-dua pihak.

(iv) Melalui orang tengah dan konsiliasi.

Dalam hal ini, orang tengah menjadi sebagai alat penyatuan. Contohnya, pertelingkahan antara majikan dan buruh. Pertelingkahan ini dapat diselesaikan dengan jalan ini.

(v) Bertoleransi.

Toleransi dapat menghindarkan konflik sahaja. Penyesuaian hanya tercapai dengan adanya kooperasi antara kelompok-kelompok yang terlibat bagi mengujudkan integrasi.

(e) Faktor-faktor yang mempengaruhi kesan integrasi dan kooperasi.

(i) Mobiliti sosial

Disini melibatkan mobiliti individu dan juga kelompok. Didalam menjalani perpindahan, akan timbul beberapa masaalah yang terpaksa mereka hadapi. Tetapi,

jika kelompok yang mendatang ini dapat menyesuaikan diri dengan cepatnya dengan keadaan yang baru, sudah tentu kooperasi dan integrasi akan senang berlaku.

(ii) Faktor sais.

Jika bilangan anggota sesuatu masyarakat itu kecil, kooperasi dan integrasi akan mudah berlaku. Mereka akan selalu berhubung dan bermesra antara satu lain.

(iii) Faktor homoginiti.

Dengan adanya homoginiti atau keseragaman dari segi cara hidup, konflik akan dapat dihindarkan.

(C) Konsep Konflik.

(a) Definasi konflik.

John Rex menyatakan bahawa konflik adalah satu hubungan yang bertelingkah dengan hubungan yang selalunya mengujudkan integrasi. Konflik yang berfungsi positif akan menimbulkan perpaduan dan konflik yang berfungsi positif membawa kepada keruntuhan masyarakat.¹³

Coser pula menyatakan bahawa konflik boleh didefinisikan sebagai satu perjuangan (struggle) keatas nilai-nilai atau tuntutan-tuntutan kepada kedudukan, kuasa dan sumber-sumber yang kekurangan, dimana tujuan-tujuan pihak pihak yang berkonflik bukan hanya untuk mendapatkan nilai-nilai yang diingini tetapi juga untuk mengneutralisasikan, melukakan atau menghapuskan lawan-lawan mereka. Konflik-konflik begitu mungkin terjadi antara individu dengan individu, individu dengan kelompok dan kelompok dengan kelompok. Konflik-konflik diantara kelompok (intergroup)

dan juga dalam kelompok (intragroup) telah menjadi satu sifat yang berkekalan didalam kehidupan sosial.¹⁴

Konflik adalah elemen yang penting dalam interaksi sosial. Selain daripada menjadi satu faktor negatif yang menyebabkan perpecahan, konflik sosial memberi sumbangan dalam banyak cara untuk pemeliharaan dan pengekalan kelompok-kelompok dan kolektiviti-kolektiviti dan juga bagi mengeratkan hubungan-hubungan interpersonal.

Rose dan Rose telah berpendapat yang konflik boleh didefinasikan sebagai:

"(1).....activity intended to hurt others physically or mentally or to deprive others of liberty (or property) and

(2) as activity designed to prevent one from being so intentionally hurt or deprived by others."¹⁵

Konflik dikalangan manusia boleh dianggapkan sebagai sosial kerana nilai-nilai bersama adalah samada menjadi bahan pertengkaran (seperti dimana orang-orang kulit putih dan hitam bersetuju tentang hak-hak warganegara Amerika yang sepatutnya) atau adalah menjadi dasar dimana individu-individu menyatukan tenaga menentang orang lain yang tidak bersama-sama berkongsi nilai-nilai tersebut tetapi telah menghalang kelompok individu-individu itu daripada perlaksanaan nilai-nilai itu (seperti dimana orang-orang kulit hitam bersetuju bahawa mereka telah dihalangi daripada memiliki hak-hak mereka sebagai warganegara Amerika).¹⁶

Ada 2 aspek daripada konflik:

(i) Aspek konflik yang tersembunyi.

(ii) Aspek konflik yang terjelma.¹⁷

(i) Aspek konflik yang tersembunyi.

Situasi ini meletakkan 2 kelompok sosial dalam dua keadaan yang berkonflik. Disini yang ujud hanyalah situasi konflik. Umpamanya, dua kelompok yang berkonflik disebabkan oleh pendapat dan ideologi yang berlainan.

(ii) Aspek konflik yang terjelma.

Disini terdapat situasi yang menimbulkan penglihatan konflik yang dapat dilihat dan dirasai, seperti apabila terjadinya aksi bergaduh dan bertumbuk.

Sesuatu konflik itu samada antara dua kelompok atau lebeh, boleh berlaku didalam struktur tetapi tidak mengubahkan struktur itu, dan ini dapat dilihat didalam perkelahian antara suami dan isteri. Tetapi ada juga terdapat konflik yang akan mengubahkan sesuatu struktur itu seperti semasa dan selepas Revolusi Perancis yang telah mengubah struktur kerajaan yang lama kepada yang baru.

(b) Fungsi Konflik.

Ada dua fungsi konflik:

(1) Fungsi konflik yang positif.

(2) Fungsi konflik yang negatif.

(1) Fungsi konflik yang positif.

Ahli sosiologi telah berpendapat bahawa konflik itu mempunyai 4 fungsi yang positif iaitu:

(i) Konflik boleh menjadi satu safety-valve.

Teori safety-valve ini telah dikemukakan oleh Simmel yang

menyatakan bahawa:

"Conflict serves as an outlet for the release of hostilities which, were no such outlet provided, would sunder the relation between the antagonists." 18

(ii) Konflik boleh menimbulkan integrasi dikalangan anggota-anggota sesuatu masyarakat. Umpamanya, jika kelompok (A) berkonflik dengan kelompok (B), anggota-anggota kelompok (A) akan bersatu didalam malawani anggota-anggota kelompok (B).

(iii) Didalam sesuatu konflik ada kemungkinannya hanya satu sektor masyarakat itu sahaja yang terlibat. Konflik begini tidak akan melibatkan lain-lain sektor masyarakat tersebut. Oleh itu, struktur yang asal dapat dikenalkan dan ini akan menguatkan lagi sektor-sektor yang lamah.

(iv) Sifat toleransi sangat berguna didalam sesuatu masyarakat. Jika timbul sesuatu konflik yang kecil, konflik ini dapat dikawal dengan adanya sifat toleransi dikalangan anggota masyarakat tersebut.

(2) Fungsi konflik yang negatif.

Akibat daripada konflik yang berfungsi negatif akan terjadi empat situasi:

(i) Kelompok-kelompok berkonflik akan timbul akibat daripada terjadinya sesuatu konflik. Contohnya, konflik antara dua kelompok yang mempunyai matlamat yang berbeda.

(ii) Disini yang terlibat adalah kelompok yang diperintah daripada kelompok yang memerintah dimana kelompok yang diperintah tidak berpuas hati dengan kelompok yang memerintah. Ini akan mencetuskan revolusi.

(iii) Kadang-kadang sesuatu konflik itu akan melibatkan kelas pemerintah. Umpamanya, didalam pertelingkah antara majikan dan pekerja, ada terdapat individu-individu yang mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri dengan samada menyokong golongan majikan atau pekerja.

(iv) Dimasa aman, timbul pula satu institusi yang baru dimana ia sungguh berbeda daripada dengan yang lama. Institusi baru ini tidak dipunyai oleh kedua-dua atau lebih golongan yang berkonflik.

(c) Sumber Konflik.

Konflik boleh terjadi daripada dua sumber:

- (i) Konflik yang timbul daripada perbedaan nilai.
- (ii) Konflik yang timbul daripada perbedaan kepentingan.

(i) Konflik yang timbul daripada perbedaan nilai.

Konflik ini terjadi akibat daripada perbedaan norma, pendapat, sikap dan kepercayaan. Akibatnya, anggota-anggota dalam sesuatu masyarakat itu akan bertelingkah. Umpamanya didalam sesebuah kem seperti kem Pasukan Polis Hutan dan sebagainya, golongan yang konservatif akan berkonflik dengan golongan yang moden.

(ii) Konflik yang timbul daripada perbedaan kepentingan.

Konflik begini sentiasa terdapat dalam kesemua bidang kehidupan. Didalam bidang ekonomi, konflik terjadi

oleh kerana terdapat perbedaan kelas atau kedudukan. misalnya, pententangan kepentingan antara penjual dan pembeli. Dalam bidang ugama pula, konflik timbul semasa mengutip zakat dan fitrah. Individu-individu bertelingkah didakwa penentuan siapa yang berhak mengutip zakat dan fitrah ini.

Dalam bidang politik, konflik banyak berlaku disebabkan oleh perebutan kuasa. Seorang pemimpin mungkin bertelingkah dengan seorang pemimpin lain didalam mendapatkan pengaruh dan penyokong.

Dalam bidang sosial pula, konflik timbul akibat dari pada kelas-kelas yang berbeda. Misalnya, pertelingkahan berlaku antara kelompok yang berpelajaran dan kelompok yang tidak berpelajaran dimana kelompok yang pertama itu menindas kelompok yang tidak berpelajaran. Ini biasanya terdapat dalam masyarakat Tani.

(d) Faktor-faktor bagi mengurangkan konflik.

(i) Akomodasi.

Sebagai satu proses, akomodasi adalah melibatkan tenaga-tenaga manusia untuk memperkembangkan dan memajukan aturan-aturan kerja dikalangan mereka bagi mengenepikan konflik dan membuat perhubungan mereka lebih tolerable.¹⁹ Ia adalah cara untuk menyelesaikan konflik tanpa menghapuskan lawan iaitu kedua-dua pihak tidak hilang identiti

(ii) Mobiliti Pekerjaan.

Dengan adanya mobiliti pekerjaan, seseorang individu boleh dinaikkan pangkatnya dan dengan cara ini konflik

dapat dikurangkan.

(iii) Mobiliti Sosial.

Disini, kelompok-kelompok yang berkedudukan rendah akan berpeluang untuk menduduki kedudukan yang tinggi. Akibatnya, konflik dapat dihindarkan.

(iv) Nilai dan Norma.

Dengan adanya nilai dan norma ini, sesuatu masyarakat itu dapat dikawal. Bila kawalan dapat dilakukan tentulah konflik tidak berleluasa.

Faktor-faktor ini akan berkesan jika anggota-anggota sesuatu masyarakat itu patuh kepadanya.



(7) Keadaan Bilik Menunggu Di Klinik.



(8) Kereta Ambulan Polis.

NOTA KAKI

1. Soemardjan; Solo & Soemardi; Soelaeman, (1964): Setangkai Bunga Sosiologi, Jajasan Badan Penerbit Fakultas Ekonomi, Universitas Indonesia, Jakarta, M.S. 184.
2. Horton; P.B. & Hunt; C.L.,(1972): Sociology, Mc Grāw Hill, Kogakusha, Ltd., Edisi Ke 3, M.S.554
3. Dressler;D.,(1973): Sociology, The Study of Human Interaction, Alfred A. Knopf, New York, M.S.443.
4. Dressler;D.,(1973): Ibid., M.S. 443
5. Bertrand;A.L.,(1973): Basic Sociology, Meredith Corporation, Edisi.Ke2, M.S.232.
6. Ogburn;W.F. & Nimkoff;M.F.,(1958): Sociology. Houghton Mifflin Co., Boston, The Riverside Press Cambridge, Edisi Ke3, M.S.146.
7. Sills; D.L.(ed)(1968): International Encyclopaedia of Social Sciences, Volume 3, The Mac Millan Company & The Tree Press, M.S. 384
8. Bertrand;A.L.,(1973): Op cit., M.S.232
9. Fichter; J.H.,(1971): Sociology The University of Chicago Press, Edisi Ke2, M.S. 245
10. Seligman;E.R., & Johnson;A.,(ed)(1931): Encyclopaedia of The Social Sciences, Volume 5, The Mac Millan Company, New York, M.S. 615
11. Koenig;S.,(1970): Sociology, An Introduction To The Science of Society, Barnes & Nobel, Inc., New York, M.S.207.

12. Koenig;S.,(1970):Ibid., M.S.270
13. Rex;J.(1961): Key Problems of Sociological Theory
Routledge & Kegan Paul, London, M.S.115
14. Sills; D.L.,(ed)(1968): Op cit., Volume 3,M.S.232
15. Rose; A.M. & Rose;C.B.,(1969): Sociology, The Study of Human Relations, Alfred A. Knopf, New York, Edisi Ke 3, M.S.548.
16. Rose;A.M. & Rose; C.B.,(1969): Ibid, M.S.548
17. Rusdina Yunus;(1968): Integrasi Dan Konflik Dalam Masyarakat Kampung Pandan Baru, Kawasan Rancangan Rumah Murah, Kuala Lumpur, Latihan Ilmiah Ijazah B.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur, M.S. 33
18. Coser;L.,(1956): The Functions of Social Conflict, Routledge & Kegan Paul, London, M.S. 41.
19. Mack; & Young; K., (1968): Sociology & Social Life, American Book Company, Edisi Ke 4., M.S. 124.

BAB IIILATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN DAN
RESPONDEN-RESPONDEEN(A) LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN.(a) KAWASAN

Pengkalan Pasukan Polis Hutan ini telah didirikan dibawah rancangan "crash" pada penghujung tahun 1969 dan awal tahun 1970. Pengkalan ini telah dibina akibat daripada trajidi 13, Mei, 1969 untuk melipatgandakan bilangan dan kekuatan pasukan bersenjata bagi keselamatan negara. Memandangkan kedudukan, Negeri Pahang yang boleh dikatakan terletak di bahagian tengah Semenanjung Malaysia, Kerajaan telah bersetuju untuk mendirikan sebuah pengkalan Pasukan Polis Hutan di Kuantan. Jarak dari Kuantan ke Kuala Lumpur ialah 170 batu. Pengkalan Bukit Galing ini pula terletak 4 batu dari Kuantan. Sebuah Kawasan dan berbukit-bukau di Lot 9469, Mukim Kuala Kuantan yang bernama Hutan Simpan Bukit Galing telah dipilih. Ada beberapa faedah yang didapati daripada bentuk muka bumi begini:-

(i) Bukit-bukau yang terdapat disekeliling kawasan kecil, secara spontan, boleh digunakan sebagai

satu perisai untuk keselamatan pengkalan, penduduk dan harta benda didalamnya.

(ii) Kawasan ini sesuai untuk dijadikan sebagai sebuah padang tembak (lapang sasar), dimana tanah-tanah bukit tersebut dijadikan sebagai tempat bagi sasaran peluru.

(iii) Ia juga berfaedah untuk latihan peperangan hutan bagi para anggota atau sebarang pertunjukan untuk para pelawat luar.

Kem ini adalah merupakan Ibu Pejabat Beriged Tenggara Pasukan Polis Hutan. Disamping itu, satu Pasukan Polis Hutan Battalion Ke 10 telah ditempatkan dipengkalan ini di Kuantan. Selain daripada itu ada 4 lagi Battalion yang terletak dibawah pentadbiran Beriged Tenggara ini. Keempat-empat ini adalah Battalion Ke 8 yang berpengkalan di Simpang Renggam, Johor, Battalion Ke 9 di Muar, Johor, Battalion Ke II di Pengkalan Chepa, Kelantan dan Battalion Ke 12 di Kubang Badak, Kuala Trengganu.

(b) CORAK PEKERJAAN DI PENGKALANINI

Corak pekerjaan diantara anggota-anggota Ibu Pejabat Beriged dan Battalion Ke 10 tidaklah sama walaupun matlamat mereka adalah sama dan sehaluan. Padadansarnya, anggota-anggota Battalion Ke 10 adalah membuat tugas-tugas Gerakan diluar dairah pada masa-masa tertentu, sedangkan anggota-anggota Ibu Pejabat Beriged Tenggara membuat tugas-tugas Pentadbiran

sahaja.

Tugas-tugas yang terdapat dipengkalan ini terbahagi pula kepada beberapa bahagian seperti:-

- (i) Tugas-tugas Infantri.
- (ii) Tugas-tugas pentadbiran.
- (iii) Pemandu
- (iv) Semboyan
- (v) Persenjataan.
- (vi) Setor
- (vii) Jurugergas (makanik) dan lain-lain lagi.

Disamping bertugas untuk menghapuskan dan memerangi pengganas-pengganas Kominis, anggota-anggota Pasukan Polis Hutan ini juga **dilatih** membuat tugas-tugas seperti :-

- (i) Tugas-tugas Polis Biasa (Polis Bandar)
- (ii) Tugas-tugas menegah Rusuhan (FRU).
- (iii) Membantu mangsa-mangsa banjir dan lain-lain lagi.

Bilangan anggota Pasukan Polis Hutan ini termasuklah mata-mata dan pegawai-pegawai adalah 820 orang. Dibawah ini terdapat sebuah rajah yang menunjukkan bilangan pangkat dan anggota.

Pangkat	Bilangan Orang	Gaji Minima (\$)	Gaji Maksima (\$)
Pesurohjaya Kanan Polis	1	2150	-
Penolong Pesurohjaya Polis	-	1800	2000
Penguasa Polis	2	1600	1800
Timbalan Penguasa Polis	-	1300	1500
Penolong Penguasa Polis	9	700	1300
Ketua Inspektor	-	840	1020
Inspektor	28	400	800
Sab-Inspektor	3	425	525
Sarjan Mejar	3	375	450
Sarjan	32	330	375
Kopral	47	270	330
Mata-mata	695	140	270
Jumlah	820		

(1) Jadual Menunjukkan Pangkat, Bilangan dan Tangga Gaji DiKalangan Anggota-Anggota Pasukan Polis Hutan.

Didalam kem ini telah disediakan kemudahan-kemudahan untuk **keserangan** penduduk-penduduk kem ini. Kemudahan-kemudahan ini termasuklah gelanggang-gelanggang permainan, hiburan, surau, kenderaan, kelas TABIKA dan juga Kelab Persatuan Kaum Ibu. Kemudahan-kemudahan ini telah memberikan banyak munafaat dan

melaluinya, individu-individu dapat berinteraksi antara satu sama lain.

(B) LATAR BELAKANG RESPONDEN-RESPONDEN (ISTERI-ISTERI)

(a) Umur

Mengikut pemerhatian dan keterangan yang didapati daripada informan-informan, kebanyakan daripada isteri-isteri mata-mata dan pegawai-pegawai yang ditemui adalah berumur dibawah 30 tahun, iaitu 86% daripada responden-responden. Mereka berkahwin setelah tamat persekolahan atau gagal didalam peperiksaan. Ada pula terdapat baharu berumur 20 tahun, sudah beranak dua atau lebih. Isteri yang termuda sekali berumur 16 tahun sedangkan isteri yang tertua sekali berumur 46 tahun. Isteri-isteri yang muda biasanya meminta nasihat dan pertolongan khususnya semasa suami mereka bertugas diluar daripada isteri-isteri yang lebih tua.

UMUR (TAHUN).	Bilangan Orang	Peratus
20 tahun kebawah	5	5
21 -- 23	26	26
24 -- 26	33	33
27 -- 29	19	19
30 -- 32	3	3
33 -- 35	2	2
36 -- 38	7	7
39 keatas	5	5
Jumlah	100	100

(2) Jadual menunjukkan umur responden-responden

(b) Pelajaran

Pencapaian pelajaran dikalangan isteri-isteri adalah baik jika dibandingkan dengan wanita-wanita Melayu keseluruhannya dizaman ini. Kesemuanya mendapat didikan dan pelajaran diperingkat sekolah rendah. Dari jadual (3) dapat dilihat bahawa 14% daripada isteri-isteri ini telah tamat darjah 5 kebawah dan 86% isteri-isteri selebihnya telah tamat darjah 6.

Daripada 14 orang isteri-isteri yang berkelulusan darjah 5 kebawah, 12 orang isteri-isteri ini adalah daripada jenerasi tua dan 2 orang pula adalah daripada jenerasi muda. Ada dua sebab yang besar yang menyebabkan mereka tergendala untuk meneruskan pelajaran mereka:-

- (i) Disebabkan oleh hal-hal peribadi seperti kekurangan wang atau berkahwin.
- (ii) Disebabkan oleh Perang Dunia Ke 2.

Kelulusan Tinggi	Bilangan Orang	Peratus
Darjah 1	1	1
Darjah 2	1	1
Darjah 3	3	3
Darjah 4	4	4
Darjah 5	5	5
Darjah 6	86	86
Jumlah	100	100

- (3) Jadual Menunjukkan Bilangan Responden-responden Yang Berkelulusan Sekolah Rendah.

Daripada 86 orang isteri-isteri yang tamat persekolahan sehingga ke darjah 6, 58 orang daripada mereka telah berpeluang untuk meneruskan pelajaran mereka ke peringkat sekolah menengah.

Di jadual (4) pengkaji telah menghuraikan bilangan isteri-isteri didalam tingkatan-tingkatan tertentu. Daripada huraian ini, terdapat 20% daripada kesemua isteri-isteri ini berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau Lower Certificate of Education dan 24% isteri-isteri pula telah berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Malaysia Certificate of Education. Pengkaji juga telah mendapat bahawa **dikalangan** isteri-isteri ini ada pula yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi daripada suami mereka. Misalnya, siisteri berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia sedangkan sisuami hanya berkelulusan Sijil Rendah Pelajaran.

Kelulusan	Bilangan Orang
Tingkatan 1	2
Tingkatan 2	4
Tingkatan 3	20
Tingkatan 4	8
Tingkatan 5	24
Jumlah	58

- (4) Jadual Menunjukkan Tingkat Kelulusan 58 orang isteri-isteri Yang Telah Berpeluang Melanjutkan Pelajaran Mereka Ke sekolah Menengah.

Selain bersekolah dalam aliran Melayu atau Inggeris, terdapat juga yang telah mendapat pelajaran ugama daripada sekolah-sekolah Arab. Dikalangan isteri-isteri yang berumur diatas 39 tahun pula pernah merasakan pahit-manis hidup dizaman Jepun dan mereka juga telah mendapat sedikit sebanyak pelajaran Bahasa Jepun.

(c) Pekerjaan

Bilangan isteri-isteri yang mempunyai pekerjaan tidaklah ramai, hanya terdapat 12 orang sahaja, iaitu 8 orang isteri pegawai-pegawai dan 4 orang isteri mata-mata. Jenis pekerjaan mereka adalah kerani, guru TABIKA dan jururawat. Terdapat 3 orang isteri mata-mata yang berpendapatan lebih daripada suami mereka. Dua orang daripada mereka bekerja sebagai kerani dan seorang lagi sebagai guru.

Disini pengkaji dapat merumuskan beberapa faktor yang menyebabkan kekurangan bilangan isteri-isteri yang mempunyai pekerjaan walaupun kelulusan ada.

- (i) Ada terdapat suami yang tidak menggalakkan isteri-isteri mereka mempunyai pekerjaan.
- (ii) Ada pula isteri-isteri yang tidak bermiminat untuk mempunyai pekerjaan kerana pendapatan suami mereka lumayan dan memuaskan.

Ini biasanya berlaku dikalangan isteri pegawai-pegawai.



(9) Surau.



(10) Kelas TABIKA.

- (iii) Kepayahan untuk mendapatkan pekerjaan lebuh-lebuh lagi dizaman yang penuh dengan cabaran ini.
- (iv) Oleh kerana mereka tidak tinggal tetap di kota ini, kemungkinan mereka terpaksa selalu berpindah tempat pekerjaan. Biasanya, pertukaran tempat pekerjaan susah didapati.
- (v) Sifat pekerjaan suami membuat suami ini selalu meninggalkan rumah. Oleh itu, adalah menjadi tugas isteri-isteri untuk peranan sebagai ² tinggal dirumah menaikkan "single-parent"

Jenis Pekerjaan	Bilangan Orang	Peratus
Kerani	10	10
Guru TABIKA	1	1
Jururawat	1	1
Jumlah	12	12

(5) Jadual Menunjukkan Jenis-jenis Pekerjaan Dan Bilangan Isteri-Isteri Yang Mempunyai Pekerjaan

Pendapatan	Bilangan Orang	Peratus
200 kebawah	-	-
201 - 250	2	2
251 - 300	6	6
301 - 350	1	1
351 - 400	1*	1
400 - keatas	2	2
Jumlah	12	12

(6) Jadual Pendapatan Isteri-Isteri Yang Mempunyai Pekerjaan.

* Jenis-jenis pekerjaan 2 orang isteri-isteri yang mendapat gaji **\$401** keatas adalah kerani dan juru-rawat.

(d) Tempat asal dan Perkahwinan.

Isteri-isteri ini kebanyakannya datang daripada negeri-negeri Pantai Timur iaitu Pahang, **Trengganu** dan Kelantan sedangkan suami-suami mereka kebanyakannya berasal daripada negeri-negeri Pantai Barat. Ini adalah merupakan satu kelaziman atau kebiasaan dimana seseorang itu akan berkahwin dengan orang tempatan ditempat ia bertugas. Perkahwinan mereka juga adalah diatas dasar cinta dan pilihan sendiri. Bagi generasi tua pula, mereka berkahwin atas pilihan ibu bapa.

Hanya terdapat 4 orang sahaja yang berkahwin dengan saudara mara sendiri. Mereka ini samada tinggal sekampung ataupun telah dirancangkan perkahwinan mereka walaupun tempat asal mereka berjauhan. Ada juga terdapat suami dan isteri yang bukan bersaudara tetapi berasal dari tempat yang sama.

Negeri	Bilangan Orang	Peratus
Perlis	2	2
Kedah	1	1
P.Pinang	4	4
Perak	8	8
Selangor	4	4
N.Sembilan	3	3
Melaka	2	2
Johor	5	5
Pahang	26	26
Trengganu	23	23
Kelantan	19	19
Singapura	3	3
Jumlah	100	100

(7) Jadual ini menunjukkan negeri-negeri asal isteri-isteri

Negeri	Bilangan Orang	Peratus
Perlis	3	3
Kedah	8	8
P. Pinang	6	6
Perak	20	20
Selangor	14	14
N. Sembilan	6	6
Melaka	10	10
Johor	8	8
Pahang	12	12
Trengganu	5	5
Kelantan	8	8
Singapura	-	-
Jumlah	100	100

(8) Jadual menunjukkan negeri-negeri asal suami-suami

Pemilihan Pasangan Hidup	Bilangan Orang	Peratus
Pilihan sendiri	70	70
Pilihan Ibubapa	24	24
Pilihan Ibubapa dan sendiri	6	6
Jumlah	100	100

(9) Jadual menunjukkan cara pemilihan pasangan hidup

(e) Kekerapan pulang kekampung.

Isteri-isteri anggota Pasukan Battalion Ke 10 selalu sahaja ditinggalkan oleh suami-suami oleh sebab bertugas dihutan atau ditempat-tempat lain. Disebaliknya, isteri-isteri anggota Pasukan Beriged jarang sekali ditinggalkan oleh suami-suami mereka. Adakalanya terdapat suami-suami yang tidak lansung bertugas diluar dan hanya tertumpu dipejabat. Kalau ada suami-suami yang keluar mungkin hanya untuk 2 atau 3 hari atau paling lama seminggu dua. Ini berbeda dengan keadaan isteri-isteri Pasukan Battalion yang ditinggalkan sehingga sebulan dua.

Bagi isteri-isteri yang kampungnya berdekatan dan mempunyai anak-anak yang masih belum bersekolah apabila suami-suami mereka tiada **dirumah** kerana bertugas dihutan, mereka pulang kekampung. Bila suami suami mereka bertugas didalam kem mereka juga selalu pulang kekampung disebabkan kampung suami atau isteri itu dekat. Tetapi bagi isteri-isteri yang mempunyai anak-anak yang telah bersekolah, kampung halaman yang jauh dan sebab-sebab kewangan, mereka ini lebih suka tinggal didalam kem.

Sudah menjadi kebiasaan bahawa Hari Raya adalah merupakan hari pertemuan sanak saudara dikampung. Oleh itu, isteri-isteri itu dan **keluarga** mereka pulang kekampung untuk bersama-sama **saudara** sanak/

merayakan Hari yang mulia ini. Suami-suami mereka cuba mendapatkan cuti pada hari ini kalau mereka tidak bertugas dihutan.

Sebab-sebab pulang kekampung	Bilangan orang	Peratus
Pulang kerana kampung berdekatan	22	0.22
Pulang kerana anak-anak belum bersekolah	20	0.2
Jumlah	42	0.42

(10) Jadual menunjukkan bilangan isteri-isteri yang pulang kekampung semasa suami-suami bertugas dihutan.

- * Bilangan yang tidak pulang kekampung kerana anak-anak bersekolah, kampung berjauhan dan sebab-sebab kewangan ialah 48 orang.

Bilangan kali pulang.	Bilangan Orang	Peratus
Jarang sekali	2	2
Sekali	65	65
Dua kali	12	12
Selalu	21	21
Jumlah	100	100

(11) Jadual menunjukkan kekerapan pulang ke kampung didalam setahun.

(f) Anak-Anak.

Oleh kerana kebanyakkan isteri-isteri itu masih muda dan baharu 2 siasa 3 tahun berkahwin, bilangan anak-anak mereka pun tidak ramai. Lagi pun, mereka sekarang sedar akan peredaran zaman dan telah mempraktikkan penggunaan segala jenis alat-alat perancang keluarga, yang mereka dapati daripada klinik. Jarang sekali terdapat dikalangan generasi muda yang kerap bersalin atau banyak anak, seperti yang terdapat dalam kebanyakkan jenerasi lama.

Bilangan Anak	Umur Ibu (Tahun)	Bilangan Orang	Peratus
Tiada Beranak	Tidak Tentu *	10	10
1 - 3	22 - 27	72	72
4 - 6	28 - 33	12	12
7 - 9	34 - 38	4	4
10 keatas	39 keatas	2	2
Jumlah		100	100

(12) Jadual Menunjukkan Bilangan Anak-Anak. Dan Umur Ibu.

* Disini susah hendak ditentukan umur ibu yang tidak mempunyai anak kerana 2 sebab.

- (i) Baharu berkahwin
- (ii) Mandul

Isteri-isteri ini sungguh mengambil berat tentang pelajaran anak-anak mereka. Bila pengkaji menanyakan isteri-isteri ini akan cita-cita mereka terhadap anak-anak mereka, semuanya berkehendakkan anak-anak mereka menjadi orang-orang yang berguna di masa hadapan. Semasa pengkaji berada di kem ini, keputusan peperiksaan tingkatan-tingkatan 5 dan 6 sahaja dikeluarkan. Ibubapa yang lebih tua dan akan berpencen yang mempunyai anak-anak yang kegagalan didalam peperiksaan -peperiksaan ini telah menitikkan air mata. Mereka telah bertungkus lumus untuk mendapatkan tempat disekolah-sekolah kerajaan atau persendirian bagi membolehkan anak-anak mereka mengambil peperiksaan ini bagi kali yang kedua. Mereka inginkan anak-anak mereka maju didalam bidang pelajaran untuk menghadapi masa hadapan yang penuh dengan cabaran. Bagi kebanyakan ibubapa daripada jenerasi muda, anak-anak mereka masih kecil lagi dan mereka belum lagi sampai keperingkat ini.

Tidak ketinggalan juga bagi anak-anak yang telah berjaya. Ada seorang ibu menyatakan bahawa seorang daripada anaknya telah pergi ke Amerika Syarikat untuk mensambil kursus perdagangan. Segala perbelanjaan anak itu pada mulanya ditanggungi olehnya suami-isteri, tetapi sekarang anaknya telah mendapat biasiswa daripada MARA. Begitu juga terdapat anak-anak mereka yang sedang melanjutkan pelajaran

mereka di institusi-institusi pengajian tinggi. Misalnya, terdapat anak seorang Kopral yang sedang melanjutkan pelajaran di sebuah universiti di Australia dalam bidang perubatan. Jadi, disini dapat dilihat kegigihan ibubapa-ibubapa untuk memberikan dan mengambil perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka.

(g) Aktiviti-aktiviti semasa lapang.

Tidak ramai isteri-isteri yang menggunakan masa lapang mereka dengan membuat aktiviti-aktiviti yang berfaedah seperti menjual barang-barang dan kueh-mueh mengambil upah menjahit dan membaca buku. Ini disebabkan kebanyakannya daripada mereka mempunyai anak-anak yang masih kecil dan masa banyak ditumpukan kepada penjagaan anak-anak.

Selain daripada itu, kesukuan mereka dimasa lapang, lebih-lebih lagi diwaktu petang, adalah berbual-bual dirumah-rumah kawan ataupun ditepi-tepi longkang dihadapan rumah mereka atau kawan-kawan. Kebiasaan ini boleh dikatakan menjadi satu sifat pada kaum wanita kita.

Jenis-jenis aktiviti semasa lapang	Bilangan Orang	Peratus.
Berniaga	6	6
Menjahit untuk sendiri dan mengambil upah	7	7
Bercucuk tanam dan berternak	8	8
Membaca buku.	3	3
Menjaga anak, berbual-bual dan lain-lain	76	76
Jumlah	100	100

(13) Jadual menunjukkan jenis-jenis aktiviti semasa lapang.

(h) Fikiran Politik.

Daripada jadual (1), didapati bahawa kebanyakannya daripada isteri-isteri itu berumur 26 tahun kebawah. Lebih tepat dikatakan bahawa semasa pendaftaran bagi pengundian tahun 1974 ada terdapat diantara mereka itu masih dibawah 21 tahun dan ada juga yang malas mendaftarkan diri. Jadi, bila ditanya samada mereka pernah mengundi, sudah tentu jawapannya tidak. Bagi generasi tua pula ada yang telah mendaftar tetapi tidak keluar mengundi.

Kesemua mereka menyatakan tentang sokongan mereka terhadap kerajaan Barisan Nasional sekarang kerana kata mereka dibawah pentadbiran kerajaan Berisan Nasional, ketenteraman dan kemajuan negara telah tercapai.



(11) Kenderaan "Armoured".



(12) Kawasan Kem Secara Keseluruhannya.

NOTA KAKI

1. Pengkaji telah meletakkan isteri-isteri yang berumur 36 tahun keatas sahaja sebagai jenerasi tua.
2. "Single-parent" adalah satu "stereo-type" peranan famili dimana selalunya kedapatan seorang isteri berperanan sebagai ibu dan bapa kepada anak-anaknya kerana suaminya sentiasa bertugas diluar. Jarang sekali terdapat seorang suami berperanan sebagai ibu dan bapa.

BAB IVTUMPUAN KOOPERASI YANG TERDAPAT DIKALANGAN PARA ISTERI(A) KOOPERASI SECARA AM.

Sebagai satu tempat kediaman yang dirancangkan oleh kerajaan, ujud beberapa cara dan usaha untuk menggakkan kooperasi dikalangan para isteri anggota Polis Hutan yang terdapat dalam kem ini. Bagi mengujudkan perasaan ingin berkooperasi dan bersatu padu haruslah ujud satu hubungan yang harmoni antara individu dengan individu, individu dengan kelompok dan kelompok dengan kelompok.

Dalam hal ini, terdapat beberapa faktor yang boleh membawa kepada perhubungan harmoni dikalangan para isteri ini. Diataranya ialah disebabkan oleh sifat pekerjaan suami-suami mereka yang sentiasa bertugas dihutan dan menghadapi maut sepanjang masa. Tanggungjawab sebagai isteri juga tidak banyak yang berbeda. Cara hidup yang boleh dikatakan sederhana serta mempunyai sistem nilai dan amalan ugama yang sama dikalangan mereka telah melahirkan perasaan berkooperasi. Oleh kerana tumpuan kajian adalah terhadap isteri-isteri keturunan Melayu dan berugama Islam, maka didapati pada dasarnya mereka mempunyai nilai pandangan dan sikap yang sama iaitu "common consensus".

Bagi memudahkan kooperasi berjalan dengan berkesan-nya dikalangan isteri-isteri ini terdapat berbagai-bagai aktiviti dijalankan. Kelab Persatuan Kaum Ibu merupakan penggerak yang utama bagi menyatu padukan kesemua para isteri anggota Pasukan Polis Hutan yang tinggal di kem dan juga yang tinggal disekitar bandar Kuantan. Dengan adanya kooperasi didalam berbagai-bagai bidang, keharmonian dan kesempurnaan hidup dapat terjamin.

(B) KOOPERASI DALAM BIDANG SOSIAL

(a) Kelab Persatuan Kaum Ibu Pasukan Polis Hutan Kuantan

Kelab Persatuan Kaum Ibu ini telah ditubuhkan dalam tahun 1970 iaitu semerta dengan pembukaan dan pendudukan kem ini. Kelab ini juga dikenali sebagai Kelab Persatuan Keluarga Polis (PERKEP). Tiap-tiap isteri anggota Pasukan Polis Hutan ini adalah secara otomatik menjadi ahli Kelab ini. Ahli-ahli tidak dikenakan yuran bulanan atau tahunan. Bilangan ahli Kelab ini adalah lebeh kurang 400 orang. Walaupun bilangan anggota Pasukan Polis Hutan yang berpengkalan disini seramai 820 orang, terdapat dikalangan mereka yang masih bujang.

Bilangan Ahli Jawatankuasa Kelab ini ialah seramai 32 orang dan tugas-tugas mereka ialah mengendalikan kelincahan perjalanan Kelab. Mereka telah dipilih mengikut pangkat suami masing-masing. Misalannya, Yang Di Pertua Kelab ialah Puan Zan Binti Haji Isa iaitu isteri kepada Pesurubjaya Kanan Polis yang juga menjadi Komander Briged

Tenggara, Tuan Tun Hamzah Bin Tun Abdul Raffar. *Selain daripada itu, ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada wakil-wakil yang berdasarkan pangkat-pangkat yang **terdapat** didalam Pasukan Ibu Pejabat Beriged dan Pasukan Battalion ke 10. Contohnya, terdapat seorang isteri yang mewakili para isteri Sarjan Mejar (Beriged) dan seorang lagi isteri mewakili isteri Sarjan Mejar (Battalion). Ini bertujuan supaya antara isteri-isteri Pasukan Ibu Pejabat Beriged dan isteri-isteri daripada Pasukan Battalion akan terjalin perasaan kekitaan dan kooperasi.

Mesyuarat Agung diadakan setahun sekali. Sebulan sekali, ahli-ahli Jawatankuasa akan bermesyuarat dan jika ada hal-hal yang mustahak yang hendak diperbincangkan, mesyuarat tergempar bagi Ahli-ahli Jawatankuasa akan juga diadakan. Mesyuarat untuk kesemua kaum ibu pula diadakan dua kali sebulan iaitu pada hari Sabtu mulai jam 2.30 hingga jam 5.00 petang. Pemilihan hari dan masa ini adalah untuk memberikan peluang kepada isteri-isteri yang bekerja menghadiri mesyuarat tersebut. Sebarang pembatalan mesyuarat diumumkan menerusi pembesar suara yang terdapat di Surau Pasukan ataupun melalui surat-surat yang diedarkan oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa.¹ Segala majlis mesyuarat dan kelas-kelas jahitan dan masakan diadakan di bangunan Kelab.

Kelab ini telah ditubuhkan dengan tujuan semoga para isteri dapat bersatu didalam menjalani kehidupan harian dan membuat kerja-kerja yang berfaedah. Harapan dan

tujuan ini dapat dilihat didalam ucapan-ucapan yang telah disampaikan oleh Yang Mulia Tun Hamzah Dan Puan Zan .. Halijah didalam satu majlis "Kenal Mesra" bagi meraikan kedatangan mereka ke kem ini. Kedua-duanya telah menekankan supaya kesemua kaum ibu belajar berjimat-cermat dan mementingkan pelajaran anak-anak mereka daripada memeningkan diri sendiri.

Berbagai-bagai aktiviti seperti kelas-kelas menjahit dan masakan telah dianjurkan oleh Kelab ini. Kelas-kelas menjahit dan memasak diadakan dua kali sebulan bagi tiap-tiap satunya. Misalnya, pada minggu pertama diadakan kelas menjahit dan pada minggu keduanya pula diadakan kelas masakan. Seterusnya, pada minggu ketiga, balik diadakan kelas menjahit dan begitulah caranya kelas-kelas ini diadakan mengikut giliran masing-masing. Guru-guru yang mengajar adalah terdiri daripada isteri-isteri yang berkebolehan. Bagi mereka yang mengikuti kelas-kelas ini dikenakan bayerar sagu hut² bagi perbelanjaan segala peralatan yang diperlukan. Biasanya, bilangan yang menghadiri kelas ini ialah lebih kurang 40 orang. Keuntungan yang didapati daripada aktiviti-aktiviti ini dimasukkan kedalam Tabung Simpanan Kaum Ibu.

Kaum bapa juga tidak ketinggalan didalam memberikan kerjasama dan inspirasi kepada kaum ibu. Kaum bapa telah mendermakan dua buah mesen jahit yang telah dibeli dengan

perbelanjaan yang dibiayai oleh Kelab Pasukan Polis Hutan Kuantan. Langkah ini telah diambil bila kaum bapa mendapat tahu bahawa Kelab Persatuan Kaum Ibu ini tidak berkemampuan untuk membeli mesen-mesen jahit sedangkan alat-alat ini sungguh-sungguh dikehendaki dan diperlukan oleh kaum ibu.
³

Untuk menambahkan lagi kewangan bagi Tabung Simpanan Kaum Ibu ini, acara-acara seperti Pasaria dan "Jual dan Beli" serta Jualan Longgok (Bring and Buy and Jumble Sale) diadakan. Misalnya, pada 4hb, hingga 6hb.Mei,1973, satu acara Pasaria yang diselenggarakan oleh Kelab ini telah diadakan diDewan Makan Bujang pengakalan ini. Para isteri telah berkooperasi bagi menjayakan Pasaria ini. Berbagai-bagai acara yang menarik seperti pamiran segala jenis masakan, jahitan dan gubahan telah dipertunjukkan. Diwaktu malam terdapat berbagai-bagai jenis hiburan seperti tarian, nyanyian, lawak jenaka, pertunjukan pakaian oleh anak-anak ahli Kelab dan 4 buah derama telah dipersembahkan.
⁴

Pada 6hb.Mac, 1976, Kelab ini telah mengadakan satu acara "Jual dan Beli" dan Jualan Longgok bertempat di Bangunan Bangsal Kawad (Drill Shed).⁵ Kesemua kaum ibu telah bersama-sama mendermakan wang dan barang-barang seperti kueh-mueh, kopi susu, gula dan pakaian. Acara ini juga telah mendapat sambutan yang hangat.

Selain daripada itu, Kelab ini juga telah mengambil

kontrak (contract) memasak dan menyediakan makanan. Bila sesuatu jamuan akan diadakan oleh pihak pentadbir Kem misalnya jamuan yang diadakan untuk meraikan pelawat-pelawat luar, Kelab ini cuba mendapatkan Kontrak itu. Dengan wang yang didapati, bolehlah ahli-ahlinya menambahkan lagi kewangan Tabung Simpanan Kelab.

Apabila seseorang ahli hendak mengadakan sesuatu majlis khenduri ahli-ahli yang lain akan datang kerumahnya untuk menolong menyediakan segala persiapan. Pinjaman alat-alat seperti pinggan-mangkuk dan periok-belanga boleh didapati daripada pihak Pentadbir Kem. Pertolongan ini berjalan daripada permulaan hingga ke tamat majlis khenduri tersebut. Kerjasama sedemikian juga harus dilakukan oleh isteri yang telah ditolongi. Jika majlis itu adalah majlis-majlis khenduri kahwin, ahli-ahli yang lain akan juga mendermakan wang atau memberikan cenderamata.

(b) Permainan dan Sukan

Persefahaman dan kerjasama akan tercapai melalui permainan dan sukan. Kemudahan-kemudahan untuk segala jenis permainan seperti bulu tangkis, tennis, bola jaring dan bola sepak adalah disediakan dengan lengkap dan memuaskan. Bilangan yang berminat dalam lapangan ini tidaklah ramai dan ini mungkin disebabkan oleh kekurangan minat terhadap permainan dan sukan, dan tugas-tugas harian yang memerlukan masa yang banyak.

Sebilangan kecil isteri-isteri pegawai adalah menjadi ahli dalam Pasukan Bulu Tangkis Tengku Ampuan Pahang. Pasukan ini merupakan pasukan bulu tangkis wanita yang aktif di negeri Pahang. Puan Fauziah Binti Ibrahim yang menjadi Pengurus Kelab Persatuan Kaum Ibu ini adalah merupakan salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa dalam Pasukan Bulu Tangkis Tengku Ampuan ini.

Dewasa ini para isteri anggota polis samada Polis Hutan atau Polis Biasa, telah digalakkan untuk menambahkan pengetahuan mereka didalam mengendalikan senjata. Tujuannya ialah supaya para isteri dapat membantu suami-suami mereka semasa menghadapi kecemasan, seperti diserang musuh. Dengan ini, isteri-isteri yang mempunyai masa ... lapang dan berminat telah diberikan latihan oleh pegawai-pegawai yang bertauliah. Pada tahun 1975, satu pasukan penembak-penembak yang terdiri daripada isteri-isteri tersebut telah menghadiri satu pertandingan menembak bagi kesemua isteri-isteri Pasukan Polis Di Raja yang terdapat dinegara ini bertempat di Kuala Lumpur, Pasukan ini telah mendapat tempat yang ketiga. Ini merupakan satu kejayaan yang cemerlang bagi pasukan ini.

(c) Pelajaran Anak-anak

Memandangkan tentang kepentingan pelajaran anak-anak isteri-isteri mereka telah menghantarkan anak-anak mereka kekelas TABIKA yang dianjurkan oleh Lembaga Kelas Kemajuan Masyarakat Negeri. Disini dapatlah anak-anak anggota

yang berpangkat rendah dan tinggi bergaul mesra. Seorang penyelia akan datang melawat Kelas TABIKA ini pada masa-masa tertentu. Kelas ini ditubuhkan dalam tahun 1972. Bilangan murid yang ada sekarang ialah 53 orang.

Guru yang mengajar mereka ialah Puan Safiah Talib iaitu seorang isteri mata-mata dan juga salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Kelab Persatuan Kaum Ibu. Gajinya iaitu sehari ₦ 3.00 adalah dibayar oleh Lembaga Kelas Kemajuan Masyarakat. Ia telah mendapat latihan asasTABIKA di Trengganu selama 3 bulan dan di Taman Asohan Wanita, Kuala Lumpur selama 6 bulan.

Umur murid-murid yang belajar disini ialah antara 4 hingga 6 tahun. Mereka dikehendaki membayar wang yuran sebanyak ₦3.00 sebulan. Kelas ini bermula daripada jam 8.30 hingga 11.15 pagi dan diadakan pada tiap-tiap hari Isnin, Selasa dan Rabu. Perkara-perkara yang diajarkan ialah membaca, menulis, mengira, melukis dan bermain. Mereka juga pernah membuat rakaman radio bagi Stesyen Radio, Kuantan. Pada jam 10.00 pagi, murid-murid berihat dan diberi makan dan minum yang disediakan oleh guru mereka. Segala peralatan disediakan oleh Lembaga Kelas Kemajuan Masyarakat dan jika masih ada kekurangan peralatan, iaanya dibeli dengan yuran.

Bila ada perkara-perkara mustahak yang ingin di-perbincangkan mengenai Kelas TABIKA ini, perjumpaan untuk itu bapa dan Ahli Jawatan-kuasa Kelas TABIKA ini diadakan.

Disini mereka dapat memberikan pendapat dan fikiran yang bernas untuk memajukan kelas ini. Disini juga, Kaum Ibu dan Kaum Bapa dapat mengetahui tentang kemajuan atau kemunduran pelajaran anak-anak mereka. Ini merupakan satu kerjasama didalam pembentukan sahsiah anak-anak mereka.

Bagi anak-anak yang bersekolah diluar kem, pihak pentadbir telah menyediakan kenderaan iaitu sebuah trak polis bagi menghantar dan mengambil mereka dari sekolah tanpa apa-apa bavarau. Dengan ini, beban ibubapa untuk perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka juga dapat dikurangkan. Disamping itu, terdapat juga bas persendirian yang dijalankan oleh kompeni asing, yang berulang alik daripada bandar Kuantan ke kem ini untuk kegunaan ramai.

(d) Perpindahan

Sudah menjadi satu kebiasaan bahawa sesiapa yang bertugas di jabatan-jabatan kerajaan, ia selalunya dipindahkan dari satu tempat ketempat yang lain. Begitulah juga dengan keadaan pekerjaan sebagai seorang anggota polis yang sentiasa berpindah-pindah. Ada 4 sebab berlakunya sesuatu perpindahan:-

- (i) Apabila suami telah tamat tempuh perkhidmatan.
- (ii) Apabila suami rugur dimedan perjuangan.
- (iii) Apabila suami ditugaskan ketempat lain.
- (iv) Kadangkala terdapat suami yang berkemampuan untuk mendirikan rumah sendiri dikawasan yang terletak diluar daripada kem.



(13) Jenis-jenis Tanam-tanaman Yang Telah Ditanam Oleh
Isteri-isteri Yang Berminat.



(14) Jenis-jenis Ternakan Yang Telah Dipelihara Oleh
Sebilangan Isteri-isteri.

Ragi isteri-isteri yang telah bermesra dengan rakan-rakan mereka, tentulah berasa sedih untuk meninggalkan kem ini. Mereka telah lama bersaull dan telah merasakan pahit-manis semasa tinggal didalam kem ini.

Sebelum berpindah sudah tentulah banyak kerja-kerja mengemas yang harus dibuat. Oleh itu, rakan-rakan sebelah menyebelah akan datang untuk memberikan pertolongan. Jika ramai isteri-isteri lain yang membantu, segala pekerjaan akan beres dengan cepatnya. Semasa pengkaji berada di kem ini, terdapat seorang isteri akan berpindah kerana suaminya ditugaskan ketempat lain. Ia mempunyai anak-anak yang sudah bersekolah. Seorang daripadanya, sedang berada di dalam tingkatan 5. Oleh kerana ia tidak mahu mengganggu perjalanan pelajaran anaknya, ia telah menumpangkan anaknya dengan jiran sebelahnya. Disinilah terdapatnya kooperasi antara jiran-jiran sebelah menyebelah.

(e) Hari-Hari Perayaan yang bercorak Sosial

Biasanya, dibari-hari perayaan yang bercorak sosial, seperti Hari Kebangsaan atau Hari Wanita, sambutannya tidaklah begitu meriah sangat. Misalnya, pada Hari Wanita terdapat isteri-isteri yang pergi ke bandar untuk menyaksikan perarakan Kaum Wanita. Hari perayaan yang disambut dengan meriahnya ialah Hari Polis yang berlangsung didalam bulan Mac. Kelab Persatuan Kaum Ibu telah menganjurkan satu acara Jualan Longkok. Disamping itu, satu jamuan untuk anak-anak Yatim daripada Sekolah Anak-anak Yatim, Kuantan

telah diadakan. Semasa jamuan inilah, isteri-isteri ini telah bersukarela melayani anak-anak yang kurang bernasib baik itu. Satu persembahan tarian, nyanyian, lawak-jenaka dan sebagainya telah juga diadakan untuk anak-anak tersebut, diwaktu malamnya. Kesemua penduduk kem telah dijemput menyaksikan persembahan-persembahan ini.

(f) Semasa Kecemasan

Sesuatu penyakit itu tidak tentu masa seorangnya, samada siang atau malam. Seorang isteri Kopral telah menjaditempat tumpuan isteri-isteri yang menghadapi kesakitan atau mempunyai anak-anak yang sakit. Ia sanggup menolong isteri-isteri yang memerlukan tenaganya bila-bila masa sahaja, walaupun pada jam satu pagi. Ini menunjukkan betapa ia mengambil berat tentang kesihatan isteri-isteri yang didalam kesusahan ini. Ia mempunyai kebolehan mengurut dan menjampi dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran. Ibu-ibu yang mempunyai anak-anak kecil selalu meminta ia membuatkan tangkal untuk anak-anak mereka.

(g) Hidup berjiran tetangga.

Diantara isteri-isteri yang berjiran tetangga seharusnya mempunyai darjah kooperasi yang tinggi, kerana jiran tetangga merupakan orang yang terdekat untuk mendapatkan pertolongan diwaktu kecemasan. Perselisihan faham diantara jiran tetangga kurang sekali berlaku dan biasanya pertelingkohan yang terjadi adalah disebabkan oleh cemburu, perkembahan anak-anak dan lain-lain lagi. Didalam pembent

tukan sesuatu masvarakat, interaksi memainkan peranan penting. Tiap-tiap individu yang menggantai sesuatu masvarakat itu berhubung antara satu sama lain dan mematuhi norma-norma yang telah ditentukan. Tanpa interaksi dikalangan individu-individu, jalinan hubungan sosial mungkin tidak wujud.

Hubungan antara jiran tetangga pada dasarnya adalah hubungan yang primary kerana mereka berinteraksi secara persempuanan sedangkan hubungan dengan isteri-isteri lain yang tinggal di kawasan yang berjauhan adalah hubungan secara secondary. Secara em, perhubungan antara jiran tetangga membawa perasaan kemesraan dan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- (i) Tempat tinggal isteri-isteri ini adalah bersebelahan-menyebelah dan diantara mereka terdapat perasaan suka membantu antara satu sama lain. Misalnya, jika seorang isteri ingin pergi ke bandar, ia boleh meninggalkan anaknya dengan jiran sebelah untuk seberapa ketika.
- (ii) Bahasa, keturunan, adat resam dan kepercayaan isteri-isteri ini adalah sama.
- (iii) Ada terdapat isteri-isteri yang berjiran itu berasal dari negeri yang sama.
- (iv) Sistem hidup orang-orang Melayu yang suka bermesra dengan sesiapa yang ditemui lebih-lebih lagi yang tinggal berdekatan telah membuat isteri-isteri ini bergaul dengan mesraanya. Sikap sedemikian adalah satu norma yang terdapat dikampung. Oleh kerana kebanyakan daripada isteri-isteri

ini berasal daripada kampung, amalan ini dapat diperlakukan.

(v) Satu lagi kebiasaan jiran sebelah menyebelah ialah amalan meminjam barang-barang keperluan harian dari jiran. Contohnya jika seorang isteri telah kehabisan minyak atau garam, ia akan meminjamnya daripada jiran sebelahnya.

Pergaulan yang mesra juga akan timbul dengan lawatan kerumah rakan-rakan seperti semasa ada kematian, orang sakit atau kelahiran seorang bayi. Semasa lawatan ini, kemesraan akan terjalin. Isteri-isteri ini akan membincangkan masaalah-masaalah yang mereka hadapi. Jadi persefahaman akan tercapai.

(C) KOOPERASI DALAM BILANG EKONOMI.

(a) Perniagaan.

Tujuan diadakan Pasaria (seperti yang telah disebutkan terlebih dahulu) ialah untuk mendapatkan wang bagi Tabung Simpanan Kaum Ibu. Disamping itu juga, tujuan lainnya ialah untuk menggalakkan kaum ibu supaya mempunyai minat didalam lapangan perniagaan. Dengan gelakan yang ada, terdapat beberapa orang isteri yang telah menceburkan diri didalam lapangan perniagaan.

Seorang isteri Sarjan Mejar telah membuka sebuah kantin didalam kem ini. Kantin ini dibuka dari pagi hingga kerjaman. Saributan daripada penduduk-penduduk kem terutama sekali daripada anggota-anggota Polis yang bujang adalah menggalakkan. Isteri ini telah menumpukan sepenuh

masanya kepada perjalanan kantinnya kerana ia mempunyai seorang pembantu yang menyelenggarakan segala urusan rumah-tanggannya. Isteri-isteri lain ada yang menhartarkan kueh-mueh kekantinnya untuk dijual. Dengan menolong menjualkan kueh-mueh dikantinnya, ia mendapat komisyen. Disinilah timbulnya kooperasi antara mereka.

Pendapatan suami-suami yang kecil dan tidak cukup untuk membayai segala perbelanjaan famili telah mendorongkan isteri-isteri untuk berniaga bagi menambahkan lagi pendapatan dan untuk mengurangkan bebanan hidup. Seorang isteri Sarjan yang mempunyai anak yang sedang melanjutkan pelajarannya disebelah laut telah menyatakan bahawa ia terpaksa berniaga untuk membayai perbelanjaan pelajaran anaknya itu. Barang-barang yang diperniagakannya ialah kain-kain batik dan songkit, keropok, dan juga barang-barang tembaga. Semuanya ini didapatinya daripada kampung-nya sendiri iaitu Trengganu.

Ada pula terdapat isteri seorang mata-mata yang berminat berniaga barang-barang buatan negara Thai serta alat-alat perabut. Didalam rumahnya telah ada sebuah almari yang ditempah khusus untuk menyimpan barang-barang tersebut. Ia juga mendapatkan bekalan barang-barangnya daripada Kelantan, iaitu tempat asalnya.

Selain dari berniaga barang-barang terdapat juga, isteri-isteri yang membuat kueh-mueh untuk dijual. Seorang isteri Kopral yang mempunyai ramai anak yang masih

bersekolah telah menjalani kegiatan ini. Selain daripada menghantarkan kueh buatannya kekantin, ia juga telah menyuruh anak-anaknya untuk menjual kueh-mueh dari pintu ke-pintu, diwaktu petang. Kueh-muehnya juga laris. Segala jenis perniagaan ini dikehendaki dibayar samada dengan cara tunai atau berhutang. Jika seseorang itu berhutang, ia harus membayarnya pada tiap-tiap bulan semasa suaminya menerima gaji. Dengan ini, isteri-isteri tidak akan merasakan bebanan untuk membayar sekali gus apabila membeli barang-barang daripada rakan-rakan mereka.

(b) Berkutu wang dan barang-barang.

Buat masa ini, berkutu wang dan barang-barang telah menjadi kegemaran bagi kaum wanita samada yang mempunyai pekerjaan atau tidak. Ini juga mendapat sambutan dikalangan para isteri di kem ini. Berkutu wang adalah lebih kurang serupa dengan menyimpan wang tanpa bunga.*

*Sebenarnya, ada prinsip "memberi" dan "menerima" pinjaman tanpa bunga.

Barang-barang yang selalunya dijual melalui berkutu ini adalah seperti pinggan mangkuk daripada jenis "Pyrex" dan "Tupperware", permaidani, cadar dan sebagainya. Pembayaran secara berkutu ini tidaklah begitu berat. Misalnya, sehelai cadar itu apabila dijual dengan cara berkutu harganya menjadi \$50.00 sedangkan harga sebenarnya hanya-lah \$25.00. Disini, orang yang menjalankan perniagaan secara berkutu itu akan mendapat untung \$25.00. Disamping

itu juga, sif penjual akan mendapat komisyen daripada ajen barang yang ia jual.

Dalam berkutu wang pula, terdapat sikap bertolak ansur dikalangan isteri-isteri yang terlibat. Contohnya, terdapat 10 orang isteri-isteri berkutu dengan mengenakan bayaran sebanyak ₦ 10.00 sebulan bagi tiap-tiap orang. Ini bermakna bahawa pada tiap-tiap bulan, seorang peserta akan "menerima" ₦100.00, mengikut giliran masing-masing. Jika diteliti, didapati bahawa orang yang mula-mula sekali mendapatkan wang ini, seolah-olah berhutang daripada peserta-peserta kumpulan kutu itu tanpa dikenakan bunga. Dipihak yang lain pula, didapati bahawa sifat "memberi" dengan ikhlas daripada peserta-peserta lain.

Jadi, bagi sesuatu perniagaan secara berkutu ini berjaya, mesti terdapat sikap berkooperasi dan bertolak ansur dikalangan isteri-isteri yang terlibat. Jika kedua-dua sikap ini tiada, memang sukar untuk mengadakan perniagaan secara berkutu.

(c) Mengambil upah menjahit.

Sudah menjadi kelaziman bahawa menjahit itu adalah merupakan satu daripada hobi kaum wanita. Hobi ini akan memberikan faedah jika ia diikuti oleh orang-orang yang berminat. Dikalangan para isteri terdapat beberapa orang yang telah manjadikan menjahit sebagai sumber untuk mendapatkan wang. Mereka menerima tempahan setiap masa kerana kedai-kedai dibandar sungguh jauh dan bayaran

yang dikenakan adalah terlalu tinggi jika dibandingkan dengan bayaran yang mereka (isteri-isteri) kenakan. Namun begitu, ada juga terdapat isteri-isteri yang menempah baju dikedai-kedai dibandar.

Sulam menyulam juga menjadi kegemaran setengah dari pada para isteri-isteri yang tidak pandai menyulam, mereka telah mengupahkan kawan-kawan mereka untuk menyulam baju, selendang dan sebagainya. Selain daripada kegunaan harian tempahan juga telah dibuat untuk majlis-majlis perkahwinan dan hari-hari perayaan.

Segala aktiviti ekonomi ini telah dijalankan oleh isteri-isteri mata-mata dan juga pegawai. Jenis-jenis barang yang diperniagakan adalah bermacam-macam. Perniagaan ini dijalankan dengan beberapa tujuan seperti:-
 (i) untuk menambah lagi pendapatan suami bagi mengurangi bebanan perbelanjaan famili.
 (ii) kerana berminat untuk berniaga.
 (iii) kerana ingin menolong rakan-rakan, yang menjadi ajer dan tinggal diluar kem, menjualkan barang-barang mereka didalam kem ini.
 (iv) kerana senang mendapatkan barang-barang daripada kampung sendiri dengan harga yang murah dan bila dijual dikalangan rakan-rakan, mereka akan menjualkan dengan harga yang lebih tinggi sedikit.

(D) KOOPERASI DALAM BIDANG UGAMA.

(a) Pelajaran Ugama

Pihak Pentadbir kem telah mengambil berat

tentang asuhan dan pelajaran ugama dikalangan Penduduk Kem ini. Sebuah surau dan 3 orang guru ugama lelaki telah disediakan. Kanak-kanak telah digalakkan datang kesurau ini untuk mengaji Quran atau mendapatkan pelajaran ugama. Bagi anak-anak yang bersekolah diwaktu petang, mereka mengaji Quran diwaktu pagi. Sebaliknya pula, bagi anak-anak yang bersekolah diwaktu pagi mereka mengaji Quran diwaktu petang. Dengan ini, jika mereka dapat ditanami dan disuburi dengan pengetahuan ugama.

Disamping itu, terdapat juga isteri-isteri yang mempunyai pengetahuan ugama yang mendalam. Mereka juga **telah** bersukarela untuk mengajar anak-anak rakan mereka mengaji Quran. Mereka mengajar dengan percuma. Disini dapatlah dilihat betapa isteri-isteri menitikberatkan pelajaran ugama anak-anak mereka. Lebih-lebih lagi dizaman ini, jika anak-anak kurang mendapat asuhan ugama ada kemungkinan mereka akan terpesung daripada jalan yang sebenarnya.

Tidak ketinggalan juga disediakan pelajaran ugama bagi ibubapa. Pada tiap-tiap malam Selasa, satu kelas syarahan ugama diadakan untuk kaum lelaki. Kelas Pelajaran ugama dan mengaji Quran bagi kaum wanita pula ialah pada hari Rabu yang bermula daripada jam 3 hingga 4.30 petang. Disini juga, mereka boleh mengemukakan masalah-masalah ugama disamping menambahkan lagi pengetahuan ugama mereka.

Pada tiap-tiap tahun pula diadakan peraduan membaca

Quran bagi kaum lelaki dan wanita. Ini akan menggalakkan lagi semangat untuk membaca Quran dan meninggikan mutu pembacaan Quran. Isteri-isteri yang akan bertanding bolih mendapat tunjuk ajar dan latihan membaca daripada rakan-rakan yang telah mendalami pelajaran Ugama mereka.

(b) Kematian.

Membaca Surah Yassin semasa sesuatu kematian adalah menjadi satu kebiasaan kepada umat Islam. Apabila terde ngar berita bahawa seorang isteri telah kematian suaminya atau lain-lain anggota keluarganya, isteri-isteri yang lain akan datang menziarahinya. Terdapat sebilangan isteri-isteri ini yang membaca Surah Yassin dan ada juga yang cuba menenangkan fikiran isteri yang malang itu.

Derma ikhlas juga diberikan kepada keluarga yang kematian ini untuk membantu segala perbelanjaan pengke bumian dan khenduri aruah. Kalau khenduri aruah ini di adakan di kem ini, isteri-isteri yang berdekatan dengan rumah keluarga simalang akan datang untuk membantu di dalam menyediakan makanan bagi majlis khenduri ini. Tetapi, selalunya, keluarga yang kematian ini pulang ke kampung kerana pengkebumian dilakukan dikampung sendiri.

(c) Aktiviti-aktiviti bercorak Ugama

(i) Aktiviti-aktiviti dalam bulan Ramadhan.

Semasa bulan puasa ini, isteri-isteri biasanya memasak makanan yang berlebihan sedikit daripada biasa. Bagi isteri yang tinggal berdekatan, mereka bertukar-tukar



(15) Kelas Jahit Menjahit.



(16) Isteri-isteri Mata-mata Sedang Berbual-bual Di-Hadapan Berek Mereka.

juadah untuk berbuka puasa. Jikalau terdapat sebuah keluarga tidak terjaga dari tidur untuk bersahur, jiran sebelah rumahnya akan menggerakkan keluarga ini.

Jika terdapat isteri-isteri yang rajin dan alim, mereka akan bergilir-gilir membaca Quran disepanjang bulan yang baik ini. Bila anak-anak melihat ibu-ibu mereka membaca Quran, keinginan untuk bersama-sama mengaji timbul dijiwa mereka. Jadi segala perlakuan isteri-isteri menjadi tauladan kepada anak-anak mereka.

Menjelang Hari Raya Puasa atau Hari Raya Haji, banyak persiapan yang harus dibuat seperti mencuci rumah, mengganti kain langsir dan membuat berbagai-bagai jenis kueh-mueh. Semasa inilah terdapat sebilangan isteri-isteri yang berkongsi membuat kueh-mueh bagi menjimatkan perbelanjaan dan masa. Tidak ketinggalan juga ada yang mengambil upah membuat kueh atau menjual kueh-mueh kepada rakan rakan mereka.

(ii) Sambutan Hari Raya

Tiap-tiap isteri akan bergembira dengan ketibaan hari-hari perayaan seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Persiapan dan sambutan bagi Hari Raya Puasa adalah lebih meriah bila dibandingkan dengan persiapan dan sambutan Hari Raya Haji. Jika suami-suami mereka mendapat cuti, mereka akan pulang kekampung. Tetapi, jika suami-suami bertugas terutama sekali didalam hutan, isteri-isteri ini terpaksa salah merayakan Hari Raya ini di kem ini

disebabkan kerana kampung mereka jauh dan juga masaalah kewangan. Hanya sebilangan kecil sahaja isteri-isteri yang pulang kekampung diwaktu Hari Raya, jika suami-suami mereka berada dihutan. Ini disebabkan kampung asal isteri isteri ini dekat.

Bagi isteri-isteri yang merayakan Hari Raya di kem ini, mereka menziarahi rakan-rakan yang berada didalam kem ini, samada yang berpangkat tinggi atau rendah. Dihari inilah segala perselisihan dapat diselesaikan dan dengan ini perasaan benci-membenci antara satu sama lain dapat dikurangkan. Jiran sebelah menyebelah akan bertukar-tukar juadah terutama sekali jenis kueh-kuch basah, lemang dan ketupat.

Selain daripada itu, Kelab Persatuan Kaum Ibu juga cuba menghiburkan hati para anggota Pasukan Polis Hutan yang sedang bertugas dihutan semasa Hari Raya ini. Mereka telah bergotong-royong membuat dan membungkus kueh-mueh yang beranika-ragam untuk dihantarkan kepada para satria tersebut. Disamping itu juga, bungkusen kueh-mueh ini di-dermakan kepada pesakit-pesakit di Rumah Sakit Besar, dan kepada penghuni-penghuni Rumah Orang Tua dan Rumah Anak-Anak Yatim, Kuantan.

(iii) Persatuan Perbadanan Islam

Ahli-ahli Persatuan Perbadanan Islam ini adalah terdiri daripada isteri-isteri anggota Pasukan Polis Hutan ini. Tugas Persatuan ini adalah untuk menyelenggarakan

aktiviti-aktiviti yang bercorak ugama seperti Sambutan Hari Maulud Nabi. Acara-acara tertentu yang mereka selenggarakan akan diadakan diluar daripada kem seperti di Dewan Bandaran atau Stadium Darul Aman. Ini adalah untuk memberikan kesempatan bagi kaum Muslimin dan Muslimat lain yang terdapat disekitar kawasan Kuantan mengambil bahagian didalam acara-acara ini. Dengan ini, interaksi akan timbul dan terjalin diantara masyarakat dengan masyarakat luar.

(E) KOOPERASI DALAM BIDANG POLITIK

Keterangan-keterangan yang didapati daripada kebanyakkan isteri-isteri yang ditemui ialah mereka menyokong Parti Barisan Nasional yang memegang tampuk kerajaan dimasa ini. Tidak terdapat sesiapapun dikalangan mereka yang bergiat didalam mana-mana pergerakan politik kerana mereka hanya menumpukan perhatian mereka kepada aktiviti-aktiviti yang dikelolakan oleh Kelab Persatuan Kaum Ibu mereka.

NOTA KAKI

- * Sekarang Tuan Tun Hamzah Bin Tun Abdul Raffar ialah Ketua Polis Negeri Pahang. Semasa Pengkaji sedang membuat kajian di kem ini (didalam bulan Mac, 1976, beliau masih lagi menjadi Komander Beriged Tenggara.
- 1. Petikan daripada Minit Mesyuarat Kaum Ibu yang telah diadakan pada 24hb. Februari, 1976, jam 2.30 petang.
- 2. Norzam N.S., (Julai-Disember 1973): Kenal Mesra, artikel dalam Majalah "Pengaman", Jilid 4, Nombor %, KDN 5404, M.S. 27
- 3. Kedua-dua buah mesen ini telah diserahkan kepada Kelab Fersatuun Kaum Ibu pada hari Ahad, bersamaan dengan 9hb. Februari, 1975, didalam satu majlis yang sederhana, oleh Komander Beriged Tenggara selaku Yang Dipertua Kelab Pasukan Polis Hutan, kepada Yang Dipertua Kelab Persatuan Kaum Ibu. Petikan daripada penulisan M.J. Meor Musa; (April - Jun 1975): Persatuan Kaum Ibu PPH Kuantan Menerima Dua Mesen Jahit, artikel dalam Majalah "Pengaman", KDN 5404, M.S. 53-54.
- 4. Musa Noh: (Julai-Disember, 1973): Pasaria Persatuan Kaum Ibu, artikel dalam Majalah "Pengaman", Jilid 4 Nombor 3/4, KDN, 5404, M.S. 76
- 5. Petikan daripada Minit Mesyuarat Kaum Ibu yang telah dijadakan pada 24hb. Februari, 1976, jam 2.30 petang.
- 6. Musa Noh; (Julai-Disember, 1973): Op Cit M.S. 76

BAB (V).PUSAT KONFLIK DIKALANGAN PARA ISTERI.(A) Konflik secara am.

Isteri-isteri yang terdapat di kem ini berasal dari pada latarbelakang dan tempat yang berlainan. Dikalangan mereka ada yang datang daripada keluarga yang miskin atau kaya dan bila mereka tinggal disatu tempat, sikaya masih lagi mengekalkan kedudukannya. Ini menyebabkan isteri-isteri yang miskin tidak suka dengan sikap sompong yang ditunjukkan oleh isteri-isteri yang kaya. Konflik yang disebabkan oleh cemburu akan merenggangkan persahabatan mereka.

Kebanyakkan daripada isteri-isteri ini adalah juga berasal daripada kampung-kampung. Semasa mereka tinggal dikampung dahulu, mereka tidak terikat dengan mana-mana Kelab atau Persatuan seperti yang terdapat didalam kem ini. Sebilangan isteri-isteri akan merasakan ini sebagai satu bebanan dan ini mungkin merupakan satu sebab mengapa mereka tidak suka mengambil bahagian didalam aktiviti-aktiviti Kelab Persatuan Kaum Ibu. Perubahan corak kehidupan dari kampung ketempat yang telah dirancangkan oleh pihak Pentadbir Kem mengambil masa. Kadang-kadang timbul perasaan konflik diantara sebilangan isteri-isteri ini dengan pihak Pentadbir Kem.

Biasanya, konflik ini adalah tidak terjelma kerana mereka takut jika pihak yang tertentu mengetahui akan perasaan mereka, kemungkinan mereka akan dipulaukan.

Secara am, konflik yang terdapat dikalangan para isteri ini adalah tidak merubahkan struktur masyarakat disini. Ada beberapa faktor yang telah menyebabkan timbulnya konflik dikalangan mereka antaranya ialah :-

- (i) Cemburu keatas kejayaan orang lain. Disinilah ujudnya konflik yang timbul daripada perbedaan kepentingan.
- (ii) Perbedaan sikap juga akan menimbulkan konflik antara isteri-isteri yang berfikiran konsewatif dengan isteri-isteri yang berfikiran radikal.
- (iii) Perkelahian anak-anak.
- (iv) Perbedaan kedudukan dan latarbelakang.

(B) KONFLIK DALAM BIDANG SOSIAL .

(a) Kelab Persatuan Kaum Ibu Pasukan Polis Hutan Kuantan.

Tidak semua ahli-ahli yang menganggotai Kelab ini bersatupadu dan berkooperasi. Didalam Kelab ini ada terdapat beberapa puak yang tidak menyukai antara satu puak dengan yang lain. Contohnya, semasa mesyuarat atau lain-lain aktiviti Kelab, jika terdapat puak (A) hadir, puak (B) tidak akan hadir dan sebaliknya. Disamping itu juga, bilangan yang hadir mesyuarat atau kelas-kelas ini tidaklah memuaskan. Bilangan yang hadir itu kadang-kadang hanya 40 orang daripada lebih daripada 400 orang ahli. Ini bukannya menguntungkan Kelab tetapi merugikan Kelab dan diri mereka

sendiri kerana tidak menghargakan jasa dan faedah-faedah yang disediakan oleh Kelab ini.

Semasa mesyuarat dijalankan seperti Mesyuarat Agong dan mesyuarat untuk Kaum Ibu, tidak terdapat penumpuan sepenuh perhatian (concentration) oleh ahli-ahlinya. Sudah menjadi kenyataan isteri-isteri yang berminat akan duduk dibahagian depan dan mengambil bahagian didalam apa-apa perbincangan. Tetapi bagi "backbenches", mereka merupakan perusak kepada mesyuarat. Sudahlah mereka tidak mendengar atau mengetahui pucuk pangkal yang diperbincangkan, mereka telah membuat bising dengan berbual-bual dengan rakan-rakan mereka. Walaupun berkali-kali Setiausaha meminta mereka supaya jangan membuat bising, permintaan ini hanya sia-sia. Disinilah terdapatnya perasaan tidak bekerjasama yang hanya akan menimbulkan konflik dikalangan ahli-ahli.

Rasa tidak puas hati juga timbul keatas pemilihan Ahli Jawatankuasa. Misalnya, jika puak (A) telah dipilih, orang-orang dari puak (B) tidak menyukainya. Ini adalah salah satu sebab akan kekurangan bilangan ahli yang hadir semasa mesyuarat. Tetapi yang menyusahkan ialah semasa pemilihan Ahli Jawatankuasa dijalankan diwaktu Mesyuarat Agong, pihak yang tidak berpuas hati hanya mendiamkan diri dan cuma mengumpat orang yang mereka tidak suka secara diam-diam.

Masaalah juga timbul didalam pengutipan derma kerana tidak semua isteri yang ingin menderma samada dalam bentuk wang atau barang. Mereka menyatakan bahawa mereka tidak

berwang atau pun menderma itu hanya menyusahkan mereka sahaja dan tidak membawa apa-apa keuntungan. Ada juga isteri isteri yang menutup pintu rumah masing-masing semasa pengutip derma datang.

(b) Aktiviti-aktiviti Harian.

Tidak ada manusia yang dianggap sebagai sempurna kerana tiap-tiap orang itu mesti mempunyai kelemahan salah satu daripada kelemahan yang terdapat dikalangan manusia ialah cemburu dan hasad dengki. Malahan sesuatu kerajaan atau pemerintah pun akan terguling disebabkan oleh sebab ada pihak yang cemburu pada pihak yang berkuasa. Ini banyak berlaku di India semasa pemerintahan beraja sebelum negara itu dijajah oleh orang-orang British.⁽¹⁾

(i) Isteri-isteri yang berkemampuan tentulah dapat membeli berbagai-bagai barang perabut rumah atau barang perhiasan diri. Ini akan menyebabkan timbulnya perasaan cemburu dikalangan isteri-isteri yang tidak berkemampuan. Mereka menyuruh suami-suami mereka untuk membeli barang-barang seperti yang terdapat pada isteri-isteri yang berkemampuan. Kadang-kadang sisuami tidak berkemampuan dan terpaksa berhutang untuk memenuhi kehendak siisteri. Ada juga terdapat kes-kes dimana isteri-isteri yang tidak mempu membeli barang barang perabut yang mereka idam-idamkan akan memulaukan isteri-isteri yang berkemampuan. Kejadian ini biasanya berlaku dikalangan jiran-jiran yang berdekatan.

(ii) Pergaduhan anak-anak.

Pergaduhan kecil antara anak-anak juga kadangkala akan menjadi besar dan berlanjutan jika ibubapa turut campur. Ini selalu berlaku dikalangan isteri-isteri yang tidak mementingkan kerukunan hidup berjiran. Walaupun si anak itu berada disebelah pihak yang bersalah, si ibu menyatakan yang anaknya berada dipihak yang benar. Bila ibu anak yang berada dipihak yang benar mendengarkan ini, serang menyerang mulut berlaku. Kemudian, ekoran daripada ini timbul pula puak-puak yang menyokong (samada menyokong pihak yang benar atau salah) dan puak-puak yang "berdiri diatas pagar" (neutral). Dengan cara ini, penyelesaian susah hendak dicapai apabila timbul puak-puak dikalangan isteri-isteri.

(iii) Fitnah.

Semasa pengkaji berada ditempat kajian, pengkaji dapat mendengar satu kes yang menarik hati. Isteri kepada seorang pegawai telah membuat satu tuduhan. Ia (C) tidak mempunyai pekerjaan dan hanya tinggal dirumah menjaga anak-anak sedangkan kerja-kerja rumah dibuat oleh seorang pembantu yang masih muda. Dihadapan rumahnya, tinggal seorang isteri pegawai. Isteri ini (D) bekerja dan kerja-kerja rumah dibantu oleh adik perempuannya. (C) telah menuduh bahawa adik perempuan (D) berkehendakkan suami (D). Ini telah menimbulkan pertelingkahan antara (C) dan (D). Lain-lain jiran yang berdekatan juga takut untuk berbaik-baik

dengan (C) kerana ia suka mengumpat dan mengata-ngata orang.

(iv) Jiran yang tidak bertimbang rasa

Kejadian lain pula ialah mengenai bunyi bising. Rumah-rumah (E) dan (F) terletak berhadap-hadapan (E) tidak mempunyai anak dan tentu ia tidak mengetahui tentang susah senangnya menjaga anak. Sebaliknya, (F) mempunyai seorang anak kecil yang berumur 3 bulan dan selalunya kanak-kanak begini, masanya dihabiskan dengan tidur sahaja. Bila (E) memasang radio dengan kuatnya, tentulah kanak-kanak ini terjaga. (F) telah berkali-kali menyuruh (E) mengurangkan kekuatan bunyi radionya, tetapi (E) enggan berhenti buat demikian. Akhirnya, mereka tidak bertegur sapa.

(v) Perasaan sompong dan bercakap besar.

Pangkat suami juga membuat seorang isteri itu sompong dan suka bercakap besar. Misalnya, ia cuba membandingkan pangkat dan gaji suaminya dengan pangkat dan gaji suami-suami kepada isteri-isteri yang lain. Ia juga bermegah-megah tentang kemampuannya membeli segala yang diingininya. Perangainya yang begini membuatkan isteri-isteri lain tidak suka merapatinya. Perkara ini sentiasa berlaku dimana-mana jenis manusia dan masyarakat. Sikaya akan memandang rendah kepada simiskin.

(vi) Perancang keluarga.

Memandangkan kepada kadar penduduk yang meningkat dengan begitu pesatnya, kerajaan telah menasihatkan orang



(17) Tempat Kediaman Anggota-anggota Polis Bujang.



(18) Rumah Sarjan Mejar.

ramai supaya merancangkan keluarga mereka. Ada 2 faedah besar yang terdapat daripada merancangkan keluarga:-

- (i) Kadar kelahiran (birth rate) bagi penduduk-penduduk negara ini dapat dikawal.
- (ii) Supaya tiap-tiap keluarga dapat merancangkan masa hadapan anak-anak mereka seperti memberi makanan dan pelajaran yang sempurna.

Dengan berpandukan kepada faedah-faedah ini, isteri-isteri yang memerlukan masa hadapan anak-anak mereka mengamalkan alat-alat Perancang Keluarga seperti pil-pil atau dengan suntikan yang disediakan oleh klinik-klinik berkenaan.

Segelintir isteri-isteri yang tidak ingin mengamalkan alat-alat perancangan keluarga ini telah mencemoh-cemohkan isteri-isteri yang memakan pil-pil. Jika seorang itu mengamalkan pil-pil perancang keluarga, akan tersihar berita ini di kalangan isteri-isteri yang anti pil. Ini jelas terbukti apabila pengkaji bertanyakan seorang informan samada ia sedang mengamalkan pil-pil tersebut, ia menjawab sembil berbisik-bisik supaya tidak terdengar jiran sebelah rumah.

(vii) Umpat mengumpat.

Diwaktu petang kegemaran kebanjakan daripada isteri-isteri ini ialah berbual-bual. Tempat kesukaan mereka ialah ditepi-tepi lorong yang terletak dihadapan rumah-rumah mereka. Disini lah segala kata mengata dan umpat mengumpat berlaku. Seringkali pengumpatan ini berakhir

dengan perkelahian apabila pihak yang diumpat itu mengetahui hal ini. Jika mereka menghabiskan masa dengan membuat kerja-kerja yang berfaedah seperti bercucuk tanam atau membaca buku, sudah tentulah perkelahian dan pertengkaran dapat dielakkan.

Besar atau kecilnya sesuatu majlis kenduri kahwin itu adalah terpulang kepada kemampuan orang-orang yang berkenaan. Seorang isteri pegawai tinggi tentulah berkemampuan untuk menjemput kesemua penduduk kem untuk menghadiri majlis perkahwinan anaknya. Misalnya, pada pertengahan tahun 1975, isteri kepada Komander Perisie Tenggara telah mengadakan satu majlis perkahwinan anaknya dengan cara besar-besaran. Semua penduduk kem telah dijemput dan telah menolong didalam membuat segala persiapan majlis. Sebaliknya pula seorang isteri mata-mata atau pegawai rendah tidaklah berkemampuan seperti itu. Jika ia membuat sesuatu majlis kenduri kahwin, sudah pastilah timbul berbagai-bagai kekurangan. Ia hanya menjemput orang-orang yang berdekatan dan disegani sahaja. Ini membuatkan isteri-isteri yang tidak dijemput berkecil hati dan membuat berbagai-bagai cacian seperti menyatakan siisteri itu kedekut dan sompong. Cacian ini mungkin berlarutan hingga keakhir hayat.

(viii) Perasaan Ethnosentrik.

Perasaan ethnosentrik ini timbul oleh kerana isteri-isteri ini datang dari segala pelusuk negara ini. Akibatnya, lahirlah beberapa kumpulan yang dianugotai oleh isteri-isteri yang berasal dari negeri-negeri atau keturunan atau

pangkat yang sama. Misalnya, terdapat satu kumpulan yang dianugotai oleh isteri-isteri yang berasal dari Kelantan dan satu kumpulan lain pula terdiri daripada isteri-isteri dari Negeri Sembilan.

Hasil daripada kemunculan kumpulan-kumpulan begini adalah membawa kepada perhalahan dan pertikaian diantara anggota-anggotanya. Misalnya, kumpulan negeri (M) cuba merendah-rendahkan kumpulan negeri (N) dengan menyatakan makanan kegemaran negeri (M) tidak sedap dan kurang bersih. Kumpulan negeri (M) pula mungkin menyatakan yang negeri mereka lebih kebaikan dan bagus daripada negeri (N).

Ekoran daripada pertikaian yang disebabkan oleh perasaan ethnoseptik ini, mungkin menimbulkan salahfaham diantara jiran sebelah menyebelah atau yang berjauhan yang berlainan negeri atau keturunan. Bila kooperasi antara jiran tetangga menjadi longgar, kehidupan didalam kempun tidak menyeronokkan dan ada kemungkinan berakhir dengan perpindahan keluar kempun.

(c) KONFLIK DALAM RIDANG EKONOMI.

(a) Berniaga

Sesuatu perniagaan itu akan bankrap jika ramai pelanggan-pelanggan tidak membayar hutang. Inilah risiko yang misti dihadapi oleh peniaga-peniaga. Isteri-isteri yang berniaga ini menghadari masalah semasa pengutipan wang yang biasanya dilakukan pada akhir atau awal bulan. Masaalah-masalah itu ialah seperti keengganan pelanggan-pelanggan untuk membayar hutang ataupun menangguhkan

pembayarannya dimasa yang lain pula. Ada pula terdapat isteri-isteri yang berhutang lagi sedangkan hutang yang lama masih belum selesai. Pada mulanya peniaga-peniaga bersabar tetapi lama-kelamaan setelah kehilangan kesabaran, konflik pun timbul.

Diantara isteri-isteri yang berniaga itu terdapat juga konflik. Misalnya, (G) menyatakan kepada pelanggan-pelanggannya bahawa barang-barang jualan (H) terlalu mahal. (H) pula berkempen pada rakan-rakannya bahawa barang-barang (G) bermutu rendah. Pertikaian begini bukannya membawa keuntungan kepada perniagaan mereka, tetapi hanya berakhir dengan perbalahan sesama mereka.

(b) Berkutu wang dan barang-barang.

Didalam perniagaan berkutu ini, ada dijalankan pengundian untuk siapa yang akan menerima dahulu atau kemudian wang atau barang-barang tersebut. Semasa mengundi inilah timbulnya konflik. Siisteri yang mendapat undian yang penghabisan menyatakan bahawa siisteri yang mendapat undian yang pertama telah menggunakan tipu helah dan sebagainya.

Bila barang-barang yang didapati melalui berkutu ini telah rosak sedikit, si penerima tidak berpuas hati dan merungut-rungut. Ketidakpuasan hati ini akan bertambah jika isteri yang menjalankan permainan berkutu barang-barang ini enggan menukar dengan barang yang lain, dan ini akan berakhir dengan konflik antara kedua-duanya.

Selain daripada itu, ada pula dikalangan isteri-isteri yang tidak suka berkutu ini yang menjadi batu api. Mereka

mempengaruhi rakan-rakan lain supaya jangan membeli barang-barang dengan cara berikut ini kerana harganya adalah lebih mahal. Jika mereka membeli dengan cara bertunai, harganya lebih murah dan banyak pilihan. Konflik akan berlaku antara isteri-isteri yang tidak "berikut" dengan isteri-isteri yang menjalankan permainan ini.

(c) Mencambil upah menjahit.

Piasanya, sebilangan isteri-isteri yang mencambil upah menjahit ini tidak boleh disusap "professionals" kerana biasanya pekerjaan ini hanya dibuat diwaktu lepas kerana kebutuhan daripada masa mereka tertumpu kepada tugas-tugas rumah tangga. Mutu jahitan tidaklah sama seperti mutu jahitan yang dilakukan di kedai-kedai tertentu. Di kalangan isteri-isteri yang mengupah rakan-rakan mereka untuk menjahitkan baju-baju mereka ada terdapat berbagai-bagi jenis ragam perangai. Dan yang paling tidak disukai ialah isteri-isteri yang cerewet. Jika terdapat sedikit kesilapan keatas pakaian mereka disebabkan oleh pengupahan ini, mereka berkempen kepada pelanggan-pelanggan lain supaya jangan menghantar upahan kepada isteri yang berkenaan. Ini membuat sifenniahit berdendam dan marah terhadap tukang-tukang kempen ini.

Disamping itu, terdapat juga konflik antara isteri-isteri yang mencambil upahan ini. Misalnya, (P) tidak menggalakkan rakan-rakanne mengupah pakaian dengan (Q), dengan menyatakan yang (P) lebih pandai daripada (Q). Fraktis impat-mengumpat berini membuatkan (P) dan (Q)

berkonflik mungkin berikutnya dengan timbulnya kumpulan-kumpulan yang menyokong (P) atau (Q).

(D) KONFLIK DALAM BIDANG UGAMA

Konflik dalam bidang ugama tidak banyak. Ini mungkin disebabkan kesemua isteri-isteri ini berugama Islam dan yang berbeda mungkin tentang pendapat masing-masing. Misalnya, ada terdapat isteri-isteri yang pergi berkelah dan bersukaria pada hari Mandi Safar. Sebaliknya pula, terdapat pula golongan-golongan isteri yang membantah akan tindakan isteri-isteri yang bersukaria pada hari itu dengan alasan bahawa perlakuan ini adalah bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam.

Begitu juga jika terdapat isteri-isteri yang mengamuti ugama yang sama, tetapi mempunyai sikap yang berlainan, konflik akan timbul samada terjelma atau tersembunyi. Ini biasanya terjadi dikalangan isteri-isteri dari jenerasi tua dan mempunyai anak-anak yang telah dewasa. Misalnya seorang isteri (R) tidak suka anak daranya bergaul dengan anak isteri yang lain (S) yang terlalu bebas pergaulannya. (R) menganggap (S) tidak pandai mendidik anak-anak dan telah terkeluar dari batasan-batasan yang dibenarkan oleh Ugama. Selain daripada (R) dan (S) berkonflik, anak-anak mereka juga terlibat sama.

(E) KONFLIK DALAM BIDANG POLITIK.

Oleh kerana mereka tidak mengambil minat yang penuh didalam bidang politik, tentulah tidak dapat dilihat dengan jelas konflik dalam bidang ini. Jika ada pun, hanya-

leh apabila mereka membincangkan tentang parti-parti politik yang terdapat dewasa ini. Satu kumpulan isteri-isteri mungkin tidak menyokong parti Barisan National. Alasan mereka adalah setengah-setengah pemimpin didalam parti ini tidak menjalankan tugas-jawab mereka. Contohnya, semasa hampir Pilihan Raya pemimpin-pemimpin ini akan balik ke-kawasan undian mereka untuk berkempen. Mereka berjanji bermati-matian akan mengadakan berbagai-bagai kemudahan dan membaiki keadaan kehidupan orang-orang kawasan itu. Tetapi, biasanya ini hanya janji-janji kosong belaka kerana selepas mendapat kemenangan didalam Pilihan Raya tersebut, bawang-pemimpin-pemimpin ini tidak nampak langsung di-kawasan-kawasan undian mereka sehingga tiba menjelangnya Pilihan Raya yang akan datangnya pula. Alasan lain pula ialah ada pemimpin-pemimpin yang tinggal dikawasan-kawasan undian itu berlagak sombong. Jika ada sesiapa meminta bantuan, mereka menyatakan tidak ada masa dan sebagainya.

Pihak yang menyokong kerajaan sekarang pula cuba mempertehankan dengan menerangkan Rancangan Melaysia Ketiga untuk memperbaiki keadaan hidup rakyat yang susah. Disamping itu, kerajaan juga telah mencapai kemajuan didalam beberapa bidang tertentu seperti pelajaran, perusahaan dan hubungan antarbangsa. Tambahan lagi, kerajaan sekarang berpegang teguh kepada mengakalkan hak-hak keistimewaan bumiputra .

BAB VIKESIMPULAN DAN PENUTUP

Daripada pengkajian yang telah dijalankan (selama $1\frac{1}{2}$ bulan) terhadap isteri-isteri anggota Pasukan Polis Hutan, Kuantan, ini, pengkaji telah dapat membuat beberapa rumusan. Dikalangan mereka terdapat perasaan bekerjasama di-dalam menjalani kehidupan harian. Walaupun begitu, didalam keharmonian dan berkooperasi ini, tidak ketinggalan juga timbulnya pertelingkahan dikalangan mereka. Selain daripada itu beberapa ciri yang terdapat di kem ini menunjukkan bahawa komuniti yang tinggal dikawasan kem ini adalah satu komuniti sementara.

Kooperasi dan konflik adalah merupakan unsur-unsur sejagat didalam aktiviti-aktiviti harian manusia. Cooley berpendapat bahawa kooperasi dan konflik adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan, tapi merupakan satu-satu proses yang melibatkan kedua-dua sekali. Misalnya, didalam sesuatu keluarga, walaupun terdapat unsur-unsur kooperasi yang kuat, ini tidak dapat mengelakkan terjadinya konflik diantara ahli-ahlinya. Begitulah juga dengan kehidupan isteri-isteri yang terdapat di kem ini. Walaupun mereka tinggal dalam suasana keharmonian dan berkooperasi, antara satu sama lain, pertelingkahan akan tetap ada.

Kooperasi dan konflik terdapat didalam kesemua bidang hidup seperti dalam bidang-bidang sosial, ekonomi, ugama dan politik. Tiap-tiap individu yang hidup bermasyarakat

semestinya berinteraksi dengan individu-individu dan kelompok-kelompok lain. Kooperasi dan konflik adalah merupakan dua pokok penting didalam interaksi sosial. Didalam kem ini, kooperasi dan konflik berlaku diantara individu diantara individu dengan individu, individu dengan kelompok dan kelompok dengan kelompok.

Kooperasi selalunya didapati dikalangan isteri-isteri yang berjiran, tinggal sesama blok dan suami-suami mereka berpangkat sama. Disamping itu juga, terdapat kooperasi dikalangan isteri-isteri yang berasal dari tempat yang sama. Tetapi ini tidak banyak berlaku kerana biasanya didalam tiap-tiap blok itu, penghuni-penghuninya terdiri daripada orang-orang yang berasal dari tempat-tempat yang berlainan. Lagipun, memang susah hendak bertemu dengan rakan-rakan yang berasal dari tempat yang sama kerana mereka ditempatkan diblok-blok yang berlainan, dan ini menyebabkan mereka susah hendak berhubung. Oleh itu, didapati bahawa kooperasi dikalangan jiran-jiran yang berdekatan dan tinggal seblock adalah lebih kerap berlaku daripada kooperasi dikalangan mereka yang berasal ditempat yang sama.

Selain daripada itu, penelitian telah dibuat keatas jenis kooperasi yang kuat yang terdapat dikalangan isteri-isteri ini. Pengkaji dapati bahawa melalui Kelab Persatuan Kaum Ibu, kooperasi adalah ^{kooperasi} berbentuk resmi dimana A



(19) Rumah Inspektor.



(20) Rumah Komander.

adalah sengaja. Disini terdapat penyataan hak-hak dan obligasi-obligasi yang timbalbalik dikalangan ahli-ahli yang berkooperasi. Contohnya, bila ada sesuatu perayaan seperti Hari Polis, kesemua ahli-ahli berhak mengambil bahagian di dalam acara-acara yang telah disediakan. Disamping itu, adalah menjadi satu obligasi bagi mereka menolong didalam menjayakan acara-acara ini.

Tidak ketinggalan juga terdapat jenis kooperasi yang tidak resmi. Misalnya, diantara jiran tetangga ada terdapat aktiviti-aktiviti harian yang melibatkan mutual-aid. Jika (A) telah kehabisan barang-barang keperluan harian gula atau garam, ia akan meminjamnya daripada jiran sebelahnya (B). Sebaliknya pula, jika (B) mendapat kesusahan, (A) akan menolongnya. Disinilah kelihatannya sifat tolongan-menolong yang terdapat dikalangan masyarakat Melayu terutama sekali yang tinggal dikampung-kampung dan amalan ini masih lagi dipraktikkan di kem ini.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan kooperasi ujud dikalangan isteri-isteri ini dan diantaranya ialah:

- (a) Bagi sesuatu kelompok itu untuk bersatu didalam mencapai sesuatu tujuan atau matlamat, kooperasi sangat penting. Ini dapat dilihat didalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kelab Persatuan Keum Ibu. Tanpa kooperasi, pasti perjalanan Kelab ini akan terbantut.
- (b) Untuk mendapatkan bantuan semasa kecemasan.

Sumber utama bantuan begini adalah jiran-jiran sebelah menyebelah kerana kebanyakannya daripada isteri-isteri ini sentiasa ditinggalkan oleh suami-suami mereka disebabkan oleh tugas.

- (c) Keharmonian didalam sesuatu masyarakat akan timbul bila anggota-anggotanya berkooperasi didalam aktiviti-aktiviti harian.
- (d) Persamaan nilai dikalangan isteri-isteri ini. Didalam sesuatu masyarakat yang terdiri daripada bangsa dan ugama yang sama, nilai-nilai dan norma-norma mereka adalah sama. Jika nilai atau norma ini berlainan, sudah tentu pertengahan akan berlaku.
- (e) Disini terdapat juga kooperasi yang didasarkan pada kedudukan suami. Misalnya, kooperasi ujud antara isteri pegawai-pegawai yang berjiran. Begitu juga dengan isteri mata-mata yang berjiran, kooperasi juga timbul dikalangan mereka.

Konflik sosial, antara individu dengan individu atau kelompok dengan kelompok akan lahir dimana sahaja masyarakat ujud. Walaupun kooperasi ujud diantara jiran tetangga tetapi konflik yang banyak berlaku di kem ini adalah diantara isteri-isteri yang tinggal berdekatan kerana mereka kerap kali berinteraksi. Isteri-isteri yang berkonflik ini pula adalah didalam lingkungan umur yang lebih kurang sama, iaitu biasanya daripada jenerasi muda. Isteri-

isteri daripada jenerasi tua adalah merupakan sumber isteri-isteri jenerasi muda mendapatkan nasihat.

Kaum

Kelab Persatuan Ibu telah ditubuhkan dengan tujuan supaya isteri-isteri ini berkooperasi didalam menjalani aktiviti-aktiviti harian serta membuat kerja-kerja yang berfaedah. Disebabkan keahlian Kelab ini adalah secara otomatik, telah timbul dua perasaan yang berbeda dikalangan ahli-ahlinya:

(a) Kebanyakan daripada isteri-isteri ini merasa gembira menjadi ahli Kelab ini, dan segala pertolongan dan kerjasama yang diberikan adalah secara sukarela.

(b) Sebilangan kecil isteri-isteri ini pula merasadi diri mereka telah dipaksa untuk menjadi ahli Kelab ini. Akibatnya, timbul perasaan ketidakpuasan hati isteri-isteri ini terhadap Pentadbir Kem. Tetapi perasaan konflik ini adalah secara tidak terjelma.

Selain daripada itu, ada juga terdapat segelintir isteri-isteri yang tidak berpuas hati dengan cara pemilihan Ahli Jawatan Kuasa Kelab. Jika diteliti, cara pemilihan ini adalah dibuat mengikut dasar yang terdapat dikalangan anggota-anggota Pasukan Bersenjata, iaitu disini terdapat sistem hieraki. Orang-orang yang berpangkat tinggi akan menduduki tempat yang diatas. Jadi, isteri-isteri pegawai-pegawai tinggi akan memegang jawatan-jawatan penting mengikut pangkat suami-suami mereka. Contohnya, isteri Komander menjadi Yang Dipertua Kelab.

Ada dua kelemahan besar yang timbul dari sistem hieraki ini:

- (a) Rasa ketidakpuasan hati akan timbul daripada ahli-ahli lain seperti ahli-ahli yang terdiri daripada isteri-isteri pegawai-pegawai berpangkat rendah dan mata-mata yang menganggap diri mereka lebih layak memegang jawatan-jawatan tertentu. Jadi, kelayakan dan kebolihan yang ada pada mereka untuk memimpin tidak dapat digunakan pada tempat yang tepat.
- (b) Ada kemungkinannya bahawa orang-orang yang telah dipilih sebagai ketua dan lain-lain jawatan penting dalam Kelab ini tidak dapat menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dengan sempurna. Akibatnya, perjalanan Kelab tidaklah begitu lancar.

Daripada pemerhatian, pengkaji dapati juga konflik dikalangan isteri-isteri ini adalah berfungsi positif. Konflik yang terdapat disini hanya melibatkan segmen-semen tertentu saja. Misalnya, konflik yang timbul diantara isteri-isteri yang berniaga tidak akan merebak keseluruhan kem. Akibatnya, struktur komuniti kem ini tidak berubah: Begitu juga dengan kumpulan-kumpulan yang timbul daripada perasaan ethnoseptik hanya melibatkan sebilangan isteri-isteri saja, dan ini selalunya berlaku dikalangan isteri-isteri yang tinggal berdekatan.

Walaupun terdapat beberapa faktor yang menyebabkan konflik, secara amnya, penkaji dapati konflik yang selalu terjadi adalah disebabkan oleh:

- (a) Perasaan cemburu yang terdapat dikalangan isteri isteri ini. Walaupun tiap-tiap manusia itu mempunyai perasaan cemburu, tetapi perasaan ini mempunyai batasannya. Perasaan cemburu yang tidak kena pada tempatnya adalah merusakkan dan menimbulkan konflik. Ada beberapa jenis cemburu terhadap kemampuan orang lain, cemburu terhadap pangkatsuami-suami wanita lain dan juga cemburu keatas kejayaan orang lain. Disini konflik timbul daripada kepentingan diri sendiri.
- (b) Pergaduhan kecil antara anak-anak akan berakhir dengan pergaduhan diantara ibubapa terutama yang berjiran. Biasanya, bila anak-anak berkumpul dan bermain, pergaduhan akan terjadi bila sesuatu perkara yang menyakitkan hati timbul. Seharusnya, ibubapa cuba tidak campur tangan dalam hal ini. Tetapi ada dikalangan isteri-isteri ini yang melibatkan diri didalam pergaduhan anak-anak. Ini berikutan dengan terjadinya konflik diantara ibubapa.
- (c) Perasaan ethnositik. Selalunya, isteri-isteri yang berasal daripada tempat yang sama akan berkumpul dan cuba mengumpat isteri-isteri yang

berasal dari tempat yang berlainan. Mereka menganggap tempat asal mereka adalah lebih baik. Ini mengakibatkan timbulnya kumpulan-kumpulan yang berkonflik.

- (d) Oleh kerana isteri-isteri ini adalah berasal daripada bangsa, ugama dan kebudayaan yang sama iaitu kelompok melintang, dimana pertentangan di dalam perbedaan nilai-nilai dan norma-norma tidaklah begitu jelas. Cuma yang jelas adalah konflik diantara gulongan konservatif dengan gulongan moden. Misalnya, gulongan konservatif menentang perangai dan cara pakaian gulongan moden. Konflik yang timbul adalah daripada perbedaan pendapat antara kelompok menegak.

Kebanyakan daripada ciri-ciri yang terdapat didalam kem ini, menunjukkan bahawa penduduk-penduduknya bolih digolongkan sebagai masyarakat sementara. Walaupun pada mata kasar mereka bolih dianggap sebagai satu masyarakat tetap, tetapi jika dikaji dengan lebih mendalam lagi, kehidupan mereka adalah mirip kepada satu masyarakat sementara. Mereka tinggal di kem ini bukanlah dengan kehendak mereka sendiri tetapi telah dirancangkan oleh pihak Pentadbir Kem.

Sesuatu masyarakat itu ujud apabila anggota-anggotanya hidup bersama-sama, berinteraksi antara satu sama lain dan membiak dalam jangka waktu yang lama. Disamping

itu, didalam sesuatu masyarakat terdapat sekurang-kurangnya tiga jenerasi. Tetapi di kem ini, penduduk-penduduknya kebanyakannya adalah terdiri daripada dua jenerasi iaitu ibubapa dan anak-anak. Tambahan pula umur kem ini baharu 6 tahun. Dalam masa yang singkat ini, memang mustahil bagi satu masyarakat yang tetap ujud disebabkan oleh kehidupan anggota-anggota ini tidak tetap dan selalu berpindah.

Perkahwinan pula selalunya berlaku sebelum isteri-isteri ini tinggal di kem ini, dan ini bermakna bahawa hubungan antara isteri-isteri ini belumlah begitu mesra kerana mereka baharu sahaja berkenalan. Sesuatu hubungan yang mesra dan mendalam sukar didapati dalam masa yang pendek.

Satu lagi perkara yang patut diperhatikan disini ialah tentang umur isteri-isteri ini. 86% daripada isteri-isteri yang telah ditemui berumur dibawah 30 tahun. Ini bermakna bahawa ditinjau dari segi umur, masyarakat ini tidak menunjukkan pemecahan atau perseimbangan umur yang tulin (natural) seperti yang terdapat dalam masyarakat kampung atau tetap. Oleh kerana bilangan penduduknya kebanyakannya masih muda, ini mungkin menyebabkan sebilangan daripada mereka tidak begitu aktif didalam semua bidang kehidupan seperti bidang-bidang sosial, ekonomi, ugama dan politik.

Memang sudah menjadi satu kelaziman bahawa sesiapa

yang bekerja dengan kerajaan akan berkemungkinan selalu ditukarkan bertugas ketempat-tempat yang berlainan. Begitu lah juga dengan pekerjaan sebagai seorang anggota polis. Akibat daripada kekerapan berpindah ini, mereka tidak akan tinggal lama di kem ini. Jadi, mereka tidak dapat mengujudkan satu hubungan yang mesra dan lama dengan jiran-jiran tetangga.

Perasaan kekitaan dikalangan isteri-isteri ini sungguh berkurangan dan hubungan yang ada tidak dapat mengujudkan satu identiti dan integrasi yang sebenarnya. Ini disebabkan kerana kebanyakan daripada suami-suami dan isteri-isteri selalu meninggalkan kem. Sebilangan daripada suami-suami sentiasa meninggalkan disebabkan oleh tugas masing-masing. Bagi segelintir isteri-isteri yang selalu ditinggalkan oleh suami-suami mereka kerana tugas, akan pulang kekampung. Ada tiga sebab yang terbesar yang menyebabkan kekerapan mereka pulang kekampung masing-masing

(i) Kampung-kampung asal mereka berdekatan.

(ii) Berkemampuan untuk menanggung perbelanjaan pulang ke kampung.

(iii) Mempunyai anak-anak yang masih kecil dan belum bersekolah.

Dalam konteks ini, hubungan antara individu dengan individu, individu dengan kelompok dan kelompok dengan kelompok sangat berkurangan. Perhubungan-perhubungan yang melibatkan rasa saling mengakui dan perasaan sesuatu yang

dipegang atau dikongsi bersama adalah rendah darjahnya.

Penduduk-penduduk sesuatu masyarakat, misalnya masyarakat kampung, mengenali antara satu sama lain. Perasaan kekitaan yang lahir dikalangan mereka membuat mereka berkooperasi didalam segala bidang kehidupan. Memandangkan kepada kedudukan tempat-tempat kediaman yang terdapat di kem ini, memang sukar bagi seseorang individu itu untuk mengenali kesemua penduduk kem ini. Misalnya, isteri matanya mungkin hanya mengenali orang-orang yang tinggal se-sama blok atau blok-blok yang berdekatan dengannya. Sedangkan, orang-orang yang tinggal di blok-blok yang berjauhan atau dikawasan kediaman pegawai-pegawai tidak dikenalinya.

Hubungan antara individu dengan kelompok atau kelompok dengan kelompok yang terdapat di kem ini adalah kebanyakannya bersifat associational. Didalam persatuan terdapat organisasi resmi dan organisasi ini ujud apabila individu-individu menjalani sesuatu yunit sosial untuk mencapai matlamat tertentu. MacIver dan Page telah mendefinisikan persatuan sebagai satu kelompok yang diatur untuk menyusul satu kepentingan atau kumpulan-kumpulan kepentingan bersama.²

Kelab Persatuan Kaum Ibu di kem ini merupakan penggerak utama didalam menyatu padukan isteri-isteri ini. Dengan ini, dapat diperhatikan bahawa hubungan cara associational adalah hubungan yang utama yang terdapat

dikalangan isteri-isteri ini. Satu cara bagi isteri-isteri ini berkooperasi atau mengenali rakan-rakan terutama sekali yang jauh daripada tempat tinggal mereka (tetapi masih lagi dalam lingkungan kem) adalah melalui Kelab ini. Bagi mereka, kooperasi timbul kerana mengikuti peraturan-peraturan Kelab untuk mencapai matlamat tertentu.

Satu lagi perkara yang perlu diberikan perhatian ialah tentang jenis kelompok yang terdapat di kem ini. Daripada pemerhatian, pengkaji merumuskan bahawa kelompok yang terdapat disini adalah cenderung kepada kelompok secondary daripada kelompok primary. Anggota-anggota didalam kem ini tidaklah begitu mesra diantara satu sama lain. Ini jelas kelihatan apabila pengkaji bertanyakan samada seorang isteri itu mengenali kesemua isteri-isteri yang terdapat didalam kem ini, misalnya daripada blok-blok yang lain selain daripada bloknya sendiri atau pun daripada kawasan kediaman pegawai-pegawai. Jawapannya ialah tidak. Selain daripada itu, kooperasi hanya terdapat dikalangan isteri-isteri yang mengenali antara satu sama lain. Disinilah terdapatnya kelemahan Kelab Persatuan Kaum Ibu untuk menyatupadukan kesemua isteri-isteri disini.

Sebagai penutup, ada beberapa perkara yang pengkaji ingin hadapkan. Pola tempat tinggal (*residence*

pattern) dapat menentukan interaksi dari segi kejiraninan, umpamanya, kooperasi dan keserasian antara jiran adalah lebih dikalangan isteri-isteri yang suami-suami mereka berpangkat sama kerana rumah-rumah mereka berdekatan. Ini disebabkan oleh pola tempat tinggal di kem ini ditentukan atas dasar pangkat, ia itu rumah-rumah pegawai dan rumah-rumah mata-mata terletak ditempat-tempat yang berasingan.

Kooperasi dan konflik mungkin banyak berlaku dikalangan isteri-isteri daripada strata yang sama (melintang) bila dibandingkan dengan kejadian kooperasi dikalangan isteri-isteri daripada strata yang menegak. Misalnya, kooperasi dan konflik antara isteri pegawai dan isteri pegawai atau isteri mata-mata dan isteri mata-mata kerap berlaku daripada kooperasi dan konflik antara isteri pegawai dan isteri mata-mata.

Dari segi jenis masyarakat yang terdapat disini pula, mereka bukan sahaja merupakan masyarakat semestara tetapi stratifikasi sosialnya juga mencerminkan hierarki Angkatan Pasukan Bersenjata iaitu, sistem military (sifat pekerjaan suami-suami) terjelma dalam sistem sosialnya. Jika sistem ini berterusan, besar kemungkinannya bahawa tidak akan ujud satu masyarakat yang dapat dianggapkan sebagai satu masyarakat tetap.

NOTA KAKI

1. MacIver, R.M. & Page, C.H.; (1972) : Masyarakat; Satu analisa Permulaan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, M.S. 108.
2. MacIver, R.M. & Page, C.H.; (1972): Ibid, M.S. 18
3. Koenig, S.; (1957): Sociology, An Introduction To The Science Of Society, Barnes & Noble, Inc., New York, M.S. 205.

BIBLIOGRAFI

- (1) Bertrand; A.L., (1973): Basic Sociology, Meredit Corporation, Edisi Ke 2.
- (2) Bottomore; T.B., (1962): Sociology, A Guide To Problems And Literature, Urwin University Books, London.
- (3) Chinoy: E., (1968): Sociological Perspective, Random House, Inc., New York, Edisi Ke 2.
- (4) Coser: L., (1956): The Functions of Social Conflict, Routledge & Kegan Paul, London.
- (5) Dressler: D., (1973): Sociology, The Study of Human Interaction, Alfred A. Knopf, New York.
- (6) Fichter: J.H. (1971): Sociology, The University Of Chicago Press, Edisi Ke 2.
- (7) Gould: J., & Kolb: W.L., (ed)(1964): A Dictionary Of The Social Sciences, Tavistock Publications, London.
- (8) Horton: P.B., & Hunt: C.L., (1972): Sociology, McGraw Hill, Kogakusha, Ltd, Ltd., Edisi Ke 3.
- (9) Koenig: S., (1957): Sociology, An Introduction To The Science Of Society, Barnes & Noble Inc., New York.
- (10) MacIver: R.M., & Page: C.H., (1972): Masyarakat, Satu Analisa Permulaan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- (11) Mack: R.W., & Young: K., (1968): Sociology & Social Life, American Book Company, Edisi Ke 4.

- (12) Majumdar: R.C., & Raychawdhuri: H.C., & Datta: K., (1967): An Advanced History of India, Macmillan Student Editions, Edisi Ke 3.
- (13) Ogburn: W.F., & Nimkoff: M.F., (1958): Sociology, Houghton Mifflin Co., The Riverside Press Cambridge, Boston, Edisi Ke 3.
- (14) Rex: J., (1961): Key Problems Of Sociological Theory, Routledge & Kegan Paul, London.
- (15) Rose: A.M., & Rose: C.B., (1969): Sociology, The Study of Human Relations, Alfred A. Knopf, New York, Edisi Ke 3.
- (16) Rusdina Yunus: (1963): Integrasi Dan Konflik Dalam Masyarakat Kampung Pandan Baru, Kawasan Rancangan Rumah Murah, Kuala Lumpur, Latihan Ilmiah Ijazah B.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- (17) Seligman: E.R., & Johnson: A., (ed)(1931): Encyclopaedia Of The Social Sciences, Volumes 5, The Macmillan Company, New York.
- (18) Seligman: E.R., & Johnson: A.,(ed)(1932): Encyclopaedia Of The Social Sciences, Volume 7, The Macmillan Company, New York.
- (19) Sills, : D.L., (ed)(1963): International Encyclopaedia Of Social Sciences, Volume 3, The Macmillan Company & The Tree Press, New York.

- (20) Soemardjan: Solo, & Soemardi: Soelaeman, (1964): Setangkai Bunga Sosiology, Jajasan Badan Penerbit Fakultas Ekonomi, Universitas Indonesia, Jakarta.
- (21) Zanden: J., (1970): Sociology, A Systematic Approach, The Ronald Press Company, New York, Edisi Ke 2.

ARTIKEL

- (1) Meor Musa: M.J., (April-Jun 1975): Persatuan Kaum Ibu PPH. Kuantan. Menerima Dua Mesen Jahit, artikel dalam Majalah "Pengaman" KDN.5404.
- (2) Musa Noh: (Julai - Disember, 1973): Pasaria Persatuan Kaum Ibu, artikel dalam Majalah "Pengaman", Jilid 4, Nombor 3/4, KDN. 5404.
- (3) Norzam: N.S., (Julai - Disember, 1973): Kenal Mesra, artikel dalam Majalah "Pengaman", Jilid 4, Nombor 3/4, KDN.5404.